

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. Kelas: ..... 84 Be .....  
No Perolehan: ..... 7 8920 .....  
Tarikh: ..... 12/84 .....

Kesan-Kesan Sosio-Ekonomi Dari Pembukaan Dan  
Pembangunan Kawasan-Kawasan Perindustrian  
Oleh PKENJ Di Pasir Gudang

Benson Lim Hock Seng  
No. Matrik: 041959

Latihan Ilmiah Bagi Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat-Syarat  
Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Sesi 1984/85

(i)

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada orang-orang yang berkenaan, yang telah banyak memberi pertolongan serta nasihat yang amat berguna dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini iaitu,

(i) Prof. Mohd. Fauzi, Penyelia Latihan Ilmiah

dan Pensyarah Jabatan Antropologi dan  
Sosiologi, Universiti Malaya, yang telah  
banyak memberi tunjukajar dan kritikan-  
kritikan yang bernas kepada pengkaji.

(ii) Penghulu Mukim Plentong, Haji Sulaiman;

Pegawai-Pegawai PKENJ; Pegawai-Pegawai  
MPJB serta Pegawai-Pegawai Kilang Mech  
Mar dan Perstima yang telah banyak membantu  
pengkaji dalam mendapatkan maklumat-maklumat  
penting.

(iii) Responden-responden yang ditemuduga di

Pasir Gudang, yang telah memberikan kerja-  
sama yang memuaskan.

## SINOPSIS

Industrialisasi merupakan suatu gejala yang mencorakkan kehidupan masyarakat pada hari ini. Apabila industrialisasi diadakan, secara langsung, akan timbul berbagai kesan sama ada berbentuk positif atau pun negatif. Jadi, objektif utama kajian ilmiah ini adalah untuk menerangkan kesan-kesan tersebut dan sejauhmanakah perubahan-perubahan yang dibawa oleh industrialisasi itu telah mencorakkan kehidupan sosio-ekonomi penduduk-penduduk sekitarnya.

Kajian ini ditumpukan di kawasan perindustrian dan Bandar Baru Pasir Gudang serta Kampung-kampung sekitarnya, yang secara langsung menerima kesan dari industrialisasi yang dijalankan. Kajian ilmiah ini dibahagikan kepada lima bab.

Bab Pertama ialah pengenalan yang memperjelaskan tujuan kajian, bidang dan skop kajian, masalah kajian serta metode dan definisi konsep-konsep yang digunakan.

Bab Kedua menghuraikan industrialisasi yang dijalankan di Malaysia dan di Negeri Johor, secara umum, yang mana meliputi strategi serta polisi Kerajaan dalam menjalankan industrialisasi.

Bab Ketiga ialah mengenai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) serta dasar-dasar dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan olehnya. Seterusnya, ia juga memberikan huraian mengenai projek-projek pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang dijalankan oleh Perbadanan serta peringkat-peringkat perkembangan Perindustrian di Pasir Gudang.

Bab Keempat ialah huraian mengenai kesan-kesan sosio-

(iii)

ekonomi yang timbul dari industrialisasi yang dijalankan di Pasir Gudang. Huraian ini ditumpukan kepada dua kumpulan;

- (i) Kumpulan yang terdiri dari penduduk-penduduk di sekitar kawasan kajian.
- (ii) Kumpulan yang terdiri dari pekerja-pekerja kilang di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

Bab Kelima merupakan suatu penilaian terhadap sumbangan Perbadanan dan juga kepentingan projek-projek pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang dijalankan. Ia juga meliputi segala rumusan mengenai kesan-kesan sosio-ekonomi dan menilai sejauhmanakah ia bergerak ke arah pembangunan sosio-ekonomi di kalangan rakyat dan ke arah pencapaian matlamat DEB dalam;

- (i) Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
- (ii) Menyusun semula masyarakat.

## KANDUNGAN

Muka SuratBAB I

<b>1.0 Pengenalan</b>	<b>1</b>
<b>1.1 Objektif Kajian</b>	<b>3</b>
<b>1.2 Bidang dan Skop Kajian</b>	<b>4</b>
<b>1.3 Teknik Penyelidikan</b>	<b>5</b>
<b>1.3.1 Kajian Perpustakaan</b>	<b>5</b>
<b>1.3.2 Soalselidik</b>	<b>6</b>
<b>1.3.3 Temuduga</b>	<b>7</b>
<b>1.3.4 Pemerhatian</b>	<b>8</b>
<b>1.4 Masalah Kajian</b>	<b>8</b>
<b>1.5 Konsep dan Definisi</b>	<b>10</b>

BAB II: LATAR BELAKANG INDUSTRIALISASI DAN LATAR BELAKANG GEOGRAFI

<b>2.1 Industrialisasi di Malaysia Secara Umum</b>	<b>13</b>
<b>2.2 Industrialisasi di Negeri Johor Secara Umum</b>	<b>20</b>
<b>2.3 Latar Belakang Geografi</b>	<b>22</b>
<b>2.3.1 Pasir Gudang</b>	<b>22</b>
<b>2.3.2 Pelabuhan Johor</b>	<b>25</b>

BAB III: DASAR-DASAR DAN AKTIVITI-AKTIVITI PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI JOHOR

<b>3.0 Pengenalan</b>	<b>26</b>
<b>3.1.0 Dasar-Dasar/Aktiviti PKENJ</b>	<b>27</b>
<b>3.1.1 Projek-Projek Pembukaan Kawasan Perindustrian</b>	<b>28</b>
<b>3.1.2 Pembangunan Serta Penyusunan Semula Sektor Pertanian dan Perladangan</b>	<b>30</b>
<b>3.1.3 Sektor Syarikat</b>	<b>31</b>
<b>3.1.4 Sektor Perniagaan dan Perkedaian</b>	<b>32</b>

3.1.5 Rancangan-rancangan Perumahan	33
3.1.6 Penyusunan Bandar Baru Pasir Gudang - Sebagai Langkah Penyusunan Semula Masyarakat	34
3.1.7 Dasar Perbadanan Dalam Projek-projek Lain	36
3.2 Perkembangan Pembangunan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang	37
3.2.1 Peringkat-peringkat dan Perlaksanaannya	38
3.2.2 Projek-projek Perumahan Di Pasir Gudang	45
<b>BAB IV: KESAN-KESAN SOSIO-EKONOMI DARI PERINDUSTRIAN DI PASIR GUDANG</b>	
4.1 Pengenalan	47
4.2 Pembangunan Pasir Gudang dan Kawasan Sekitarnya Secara Umum	47
4.3 Pertumbuhan Penduduk	52
4.4 Penghijrahan	57
4.5 Pekerjaan Di Sekitar Perkilangan	61
4.5.1 Tempat Asal Pekerja-Pekerja Kilang	62
4.5.2 Kemudahan-Kemudahan Yang Diberikan di Kedua-Kedua Buah Kilang Yang Dikaji	64
4.5.3 Sistem Pekerjaan Di Sektor Perkilangan	65
4.5.4 Aspek Ekonomi Pekerja-Pekerja Kilang	66
4.5.5 Aspek Pelajaran Pekerja-Pekerja Kilang	68
4.6 Corak Kediaman	70
4.7 Asas Ekonomi: Pendapatan/Aghian Pendapatan	72
4.8 Pencemaran Alamsekitar	74
4.9 Kesan-Kesan Sosial	75
4.9.1 Keluarga dan Kekeluargaan	75
4.9.2 Hubungan Sosial	76
4.9.3 Masalah Diskriminasi	80
4.9.4 Perpaduan Sosial	81

**BAB V: PENILAIAN DAN RUMUSAN**

<b>5.0 Pengenalan</b>	<b>83</b>
<b>5.1 Sumbangan PKENJ dalam Pembangunan Perindustrian Di Negeri Johor</b>	<b>83</b>
5.1.1 Peranan PKENJ Sebagai 'Catalyst'	88
<b>5.2 Ke Arah Pencapaian Matlamat Dasar Ekonomi Baru</b>	<b>89</b>
5.2.1 Peningkatan Kapasiti dan Mengelakkan Kecemasan di Peringkat Nasional	89
5.2.2 Struktur dan Pengerusi Persekutuan	90
5.2.3 Sesi Persidangan Menteri Perindustrian	90
5.2.4 Kesiapan Perancangan Strategik	90
5.2.5 Pengalaman DI, Kementerian Kewangan dan Komuniti Tempatan Dalam Perancangan	90
5.2.6 Peningkatan Kapasiti dan Mengelakkan Kecemasan (Perancangan)	90
5.2.7 Sesi Persidangan Perancangan	90
5.2.8 Sistem Penilaian	91
5.2.9 Tempat Asas Pengembangan Wilayah DI, Kementerian Perindustrian dan Sumber Daya	92
5.2.10 Sesi Persidangan Perancangan Wilayah	93
5.2.11 Wilayah Baru Perancangan Wilayah	94
5.2.12 Langkah Pemuliharaan Geosistem	95
5.2.13 Kesan Kritis Kepada Kewujudan	95
5.2.14 Kewujudan Spesifikasi Perancangan	96
5.2.15 Sumber Pendeksten Tercantum Terhadap Kewujudan	96
5.2.16 Agensi Pengurusan Jalan dan Jambatan Negeri DI, Selangor (Kembara ke, 1992)	96

**SENARAI JADUAL****Muka Surat**

Jadual 3.1: Peringkat-Peringkat dan Pembukaan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang	40
Jadual 4.1: Kadar Pertumbuhan Penduduk Di Kawasan Kajian, Daerah Johor Bahru dan Negeri Johor, 1970-1980	53
Jadual 4.2: Pembahagian Kumpulan Umur Mengikut Kawasan-Kawasan Pecahan	53
Jadual 4.3: Struktur Umur Mengikut Peratus	54
Jadual 4.4: Saiz Purata Isirumah Mengikut Bangsa, 1980	56
Jadual 4.5: Kadar Pertumbuhan Penduduk	58
Jadual 4.6: Penghijrahan Di Kawasan Kajian Mengikut Kumpulan Bangsa Dan Umur (Peratusan)	59
Jadual 4.7: Pembahagian Umur Penghijrahan Mengikut Kawasan (Peratusan)	59
Jadual 4.8: Sebab Penghijrahan Mengikut Peratusan	60
Jadual 4.9: Struktur Umur Responden	61
Jadual 4.10: Tempat asal Pekerja-pekerja Kilang Di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang	62
Jadual 4.11: Pendapatan Pekerja-pekerja Kilang (Responden)	67
Jadual 4.12: Hakmilik Harta Pekerja Kilang	68
Jadual 4.13: Tingkat Pelajaran Responden	69
Jadual 4.14: Corak Kediaman Responden	70
Jadual 4.15: Peratusan Hakmilik Perumahan	71
Jadual 4.16: Purata Pendapatan Isirumah Mengikut Kaum, 1982	72
Jadual 4.17: Agihan Pendapatan Isirumah Mengikut Kaum Di Dalam Kawasan Kajian, 1982.	73

## SENARAI LAMPIRAN

### Lampiran 1

Kemajuan Pembangunan Kawasan-Kawasan Perindustrian PKENJ Sehingga 31hb. Disember, 1982.

### Lampiran 2

Kedudukan Kilang-Kilang Di Kawasan Perindustrian PKENJ Sehingga 31hb. Disember, 1982.

### Lampiran 3

Kemajuan Projek-Projek Pertanian PKENJ Pada 31hb. Disember 1982.

### Lampiran 4

Kedudukan Syarikat Anak PKENJ Pada 31hb. Disember, 1982.

### Lampiran 5

Kedudukan Syarikat Sekutu PKENJ Pada 31hb. Disember 1982.

### Lampiran 6

Projek-Projek Perumahan PKENJ Sehingga 31hb. Disember 1982.

### Lampiran 7

Projek-projek Perkedaian PKENJ sehingga 31hb. Disember 1982.

### Lampiran 8

Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

### Lampiran 9

Soalselidik Pengkaji.

## BAB I

### 1.0 Pengenalan

Secara umumnya, manusia memerlukan makanan, pakaian, tempat tinggal dan segala kemudahan untuk kehidupan. Manusia sebagai manusia tidak pernah berpuashati dengan apa yang sedia ada dan sentiasa cuba untuk memperbaiki keadaan hidup mereka.

Dari sini, berbagai cara dan reka cipta telah timbul untuk memajukan kehidupannya, misalnya pembinaan rumah pangsa untuk menjimatkan tanah, pemerossesan makanan agar dapat disimpan lama, penggunaan jentera untuk memudahkan serta mempertingkatkan pengeluaran dan pelbagai lagi untuk kesenangan hidupnya.

Revolusi Perusahaan, sebagaimana yang berlaku di negara-negara Eropah pada abad ke 18 dan ke 19 memperlihatkan berbagai reka-cipta jentera-jentera; pertumbuhan bandar-bandar dengan pesat; kemajuan-kemajuan dalam perhubungan dan komunikasi. Di samping itu ia juga menunjukkan bagaimana perubahan-perubahan itu telah mempengaruhi manusia dan kehidupannya.

Demikian juga, Revolusi Perusahaan menandakan penerokaan dan penjajahan negara-negara kecil di luar Eropah sebagai cara untuk mendapatkan bahan-bahan mentah yang merupakan sumber terpenting pada masa itu. Selepas kemerdekaan, nyata sekali negara-negara yang baru terlepas dari cengkaman penjajah cuba membangun mengikut negara-negara Barat dengan menggalakkan perindustrian. Dalam usaha menggalakkan serta mengadakan industrialisasi, berbagai pelisi Kerajaan telah dijalankan untuk mencapai matlamat tersebut, iaitu dengan membangunkan infrastruktur, menciptakan galakan fizikal dan bantuan

modal, menyediakan tenaga kerja yang mahir dan berbagai lagi.

Sejak kemerdekaan, negara kita, Malaysia telah menumpukan perhatian yang cukup besar dalam menggalakkan perindustrian. Matlamat-matlamat ini kemudian telah disesuaikan dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat.

Seterusnya, matlamat-matlamat berkenaan telah disalurkan kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan. Demikian, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) telah dipertanggung-jawabkan untuk menjalankan aktivit-aktiviti dalam memaju, menggalak, memudah dan menjalankan kemajuan tanah di Negeri Johor bagi maksud-maksud kemajuan pertanian, perumahan, perusahaan, perlombongan dan perdagangan.<sup>1</sup>

Perbadanan ini sejak penubuhannya telah memberikan perhatian yang cukup besar untuk menggalakkan perindustrian di mana pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Johor menjadi aktiviti utama Perbadanan. Aktiviti-aktiviti perindustrian yang begitu pesat dijalankan di Negeri Johor, secara langsung atau tidak langsung, akan menimbulkan berbagai kesan kepada masyarakat. Oleh itu pengkaji cuba menerangkan kesan-kesan perindustrian yang berlaku di Malaysia dengan memilih Pasir Gudang. Sebab Pasir Gudang dipilih ialah kerana ia merupakan kawasan perindustrian yang terbesar sekali dibangunkan oleh Perbadanan di Negeri Johor.

---

<sup>1</sup> Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, Laporan Tahunan 1982, Keluaran PKENJ, 1982, (hal. 7).

### 1.1 Objektif Kajian

Industrialisasi merupakan suatu gejala yang mencarakkan kehidupan masyarakat pada hari ini. Apabila industrialisasi diadakan, secara langsung, akan timbul berbagai kesan sama ada berbentuk positif atau negatif. Jadi, objektif utama kajian ilmiah ini ialah untuk menerangkan kesan-kesan tersebut dan sejauhmanakah perubahan-perubahan yang dibawa oleh industrialisasi itu telah mencarakkan kehidupan sosio-ekonomi penduduk-penduduk sekitarnya. Apakah kesan-kesan sosio-ekonomi yang tercetus dari industrialisasi yang dijalankan?.

Di dalam satu penyelidikan, Kuznets telah menunjukkan bahawa industrialisasi merupakan suatu elemen yang tidak dapat dilakukannya dalam proses mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat.<sup>2</sup> Oleh itu, kajian ini adalah juga bertujuan untuk melihat sejauhmanakah proses industrialisasi sebagaimana yang dijalankan di Pasir Gudang telah membawa kepada peningkatan kesejahteraan masyarakat di sekitarnya.

Proses industrialisasi yang dijalankan adalah sejajar dengan proses modernisasi masyarakat. Kedua-dua unsur yang saling mempengaruhi ini, telah mengakibatkan perubahan-perubahan pada struktur dan cerak kehidupan sosial masyarakat. Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauhmanakah industrialisasi yang dijalankan itu mencarakkan struktur dan cerak kehidupan sosial.

---

<sup>2</sup> S. Kuznets, Modern Economic Growth, Yale University Press, New Haven, 1966, 86-151.

## 1.2 Bidang dan Skop Kajian

Kajian ini ditumpukan di Kawasan Perindustrian dan Bandar Baru Pasir Gudang serta kampung-kampung sekitarnya, yang secara langsung menerima kesan dari industrialisasi yang dijalankan. Kajian ilmiah ini dibahagikan kepada lima bab seperti berikut;

Bab Pertama ialah pengenalan yang memperjelaskan tujuan kajian, bidang dan skop kajian, serta metode dan masalah kajian dan difinisi kONSEP-KONSEP yang digunakan.

Bab Kedua menghuraikan latar belakang industrialisasi yang dijalankan di Malaysia dan Negeri Johor secara umum - strategi-strategi dan polisi-polisi Kerajaan dalam menjalankan industrialisasi.

Bab Ketiga ialah mengenai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) serta dasar-dasar dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan olehnya. Seterusnya, ia adalah juga untuk memberi huraian mengenai projek-projek pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang dijalankan oleh Perbadanan serta peringkat-peringkat perkembangan perindustrian di Pasir Gudang.

Bab Keempat merupakan bab yang terpenting dalam mana dihuraikan tentang kesan-kesan sosio-ekonomi yang timbul dari industrialisasi yang dijalankan di Pasir Gudang. Di sini, beberapa aspek sosial dan ekonomi penduduk-penduduk sekitar Pasir Gudang yang termasuk pekerja-pekerja kilang, akan dihuraikan.

Bab Kelima merupakan suatu penilaian terhadap sumbangan Perbadanan dan juga kepentingan projek-projek pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang dijalankan. Ia juga

meliputi segala rumusan mengenai kesan-kesan sosio-ekonomi dan menilai sejauhmanakah ia bergerak ke arah pembangunan sosio-ekonomi di kalangan rakyat dan ke arah pencapaian matlamat DEB dalam;

- (i) membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
- (ii) menyusun semula masyarakat.

### 1.3 Teknik Penyelidikan

Kajian telah dibuat selama sebulan di Johor Bahru oleh pengkaji, bersama empat orang pengkaji lain dalam bidang yang berbeza. Namun begitu, kesemua kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan PKENJ sebagai agensi amanah Kerajaan Negeri Johor.

Walau bagaimanapun, fokus kajian ilmiah ini adalah ditumpukan kepada dua kumpulan;

- (i) Kumpulan yang terdiri dari penduduk-penduduk di sekitar kawasan kajian.
- (ii) Kumpulan yang terdiri dari pekerja-pekerja kilang di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

Selain daripada kajian perpustakaan, teknik lain yang digunakan ialah temubual secara formal dan secara tidak formal, soalselidik dan pemerhatian secara umum. Data-data yang dikumpulkan mengenai tajuk kajian akan dianalisis dan diinterpretasi dengan setepat yang mungkin.

#### 1.3.1 Kajian Perpustakaan

Tumpuan kajian perpustakaan ialah kepada kajian-kajian lepas mengenai industrialisasi yang dijalankan di Negeri Johor, di Malaysia dan di beberapa negara lain.

Pengkaji juga telah cuba mendapatkan sebanyak yang mungkin keterangan-keterangan yang berkenaan dengan tajuk kajian dari pejabat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor di Johor Bahru, Pejabat Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB) dan kompleks Penghulu Mukim Plentong di Masai. Keterangan-keterangan dan maklumat-maklumat yang dipungut dari pihak-pihak berkuasa tersebut adalah begitu penting dan berharga sekali. Ia membolehkan pengkaji memahami dengan lebih mendalam projek-projek industrialisasi yang dijalankan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

Misalnya, di Pejabat PKENJ, pengkaji dapat memungut data-data berkenaan dengan dasar dan aktiviti-aktiviti Perbadanan serta projek-projek pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang dijalankan di Negeri Johor secara umum, dan di Pasir Gudang secara khas. Di Pejabat Majlis Perbadanan Johor Bahru pula, pengkaji mendapat maklumat-maklumat penting mengenai keadaan sosio-ekonomi penduduk-penduduk di daerah Johor Bahru dan rancangan-rancangan industrialisasi yang dijalankan.

#### 1.3.2 Sealselidik

Pengkaji telah menggunakan metode sealselidik, iaitu berdasarkan satu set soalan-soalan yang disediakan. Ia digunakan untuk menjimatkan masa dan untuk memastikan soalan-soalan yang sama ditanyakan kepada tiap-tiap responden yang dipilih supaya data-data yang dipungut itu dapat dianalisa dengan lebih mudah.

Sealselidik disediakan khas untuk menyelidiki dan memahami keadaan sosio-ekonomi pekerja-pekerja kilang. Responden-responden telah dipilih dari dua buah kilang yang dikaji dan meliputi berbagai

kumpulan etnik.<sup>3</sup>

Sealselidik yang digunakan terbahagi kepada dua bentuk ia-itu sealselidik bentuk terhad dan sealselidik bentuk bebas. Seal-selidik bentuk terhad adalah berdasarkan kepada jawapan-jawapan yang disediakan terlebih dahulu dan digunakan supaya responden menjawab tanpa menyimpang kepada tajuk-tajuk lain. Selain dari itu, ia juga memudahkan dan menjimatkan masa responden. Sealselidik bentuk bebas, dalam mana jawapan-jawapan tidak disediakan adalah untuk memberi peluang kepada responden-responden untuk menyuarakan apa juga pendapat yang berkait dengan sealan-soalan yang ditanyakan.

#### 1.3.3 Temuduga

Metode temuduga merupakan kaedah yang penting dalam membuat kajian. Beberapa kumpulan atau individu telah dipilih berdasarkan pada peranan mereka dan pengetahuan yang luas yang ada pada mereka dalam bidang-bidang tertentu. Ini termasuklah temuduga dengan Penghulu Mukim Plentong, Pegawai-pegawai PKENJ, Pegawai-pegawai MPJB dan Pegawai-pegawai kilang, yang dilakukan secara formal.

Selain dari itu, temuduga secara tidak formal juga telah dilakukan terhadap penduduk-penduduk biasa, misalnya, orang-orang yang ditemui di kasai-kedai makan. Metode temuduga ini membolehkan pengkaji membuat 'cross-check' terhadap data-data yang telah dikumpul-

---

<sup>3</sup> Di dalam kajian mengenai keadaan sesia-ekonomi pekerja-pekerja kilang, dua buah kilang telah dipilih iaitu Syarikat Mech Mar Kejuruteraan Sdn. Bhd. dan Perusahaan Sadur Timah Malaysia (PERSTIMA) Sdn. Bhd. di kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

kan. Ini adalah untuk mempastikan data-data yang dikumpulkan itu adalah benar dan tepat.

#### 1.3.4 Pemerhatian

Dalam menjalani kajian ilmiah ini, metode pemerhatian ini juga adalah penting. Teknik pemerhatian digunakan supaya pengkaji dapat meninjau secara umum mengenai gaya hidup, sikap, nilai dan hubungan sosial penduduk-penduduk di sekitar Pasir Gudang. Dengan demikian, metode ini dapat membantu kaedah-kaedah lain yang dijalankan untuk menentukan huraian yang tepat serta kesimpulan yang objektif dapat dibuat.

#### 1.4 Masalah Kajian

Apabila seseorang pengkaji membuat kajian luar, biasanya, ia akan menemui beberapa masalah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.. Masalah yang timbul itu sama ada masalah besar atau kecil boleh mempengaruhi kajian yang dijalankan dan seterusnya hasil kajian itu.

Terdapat beberapa masalah yang timbul semasa pengkaji membuat kajian di Johor Bahru. Masalah yang utama ialah masalah masa. Sesuatu kajian yang baik dan lengkap memerlukan masa yang panjang. Ini adalah supaya tiap-tiap aspek yang dikaji itu dapat dikaji dengan teliti untuk mendapatkan pemahaman yang jelas dan mendalam mengenai keadaan yang sebenarnya ujud. Oleh kerana masa yang terhad, perlaksanaan kajian yang dapat dilakukan oleh pengkaji juga terhad.

Tambahan pula, sebelum kajian dijalankan, pengkaji tidak pernah menetap di Negeri Johor. Oleh kerana itu, pengkaji terpaksa

mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan suatu tempat yang baru. Mahu tidak mahu, beberapa masalah kecil telah timbul, misalnya mencari serta mengenali jalan dan tempat. Begitu juga, kajian yang dijalankan itu bergantung kepada cuaca. Terdapat beberapa kali, kajian luar tergantung kerana hujan lebat.

Di samping itu, pengkaji juga menghadapi beberapa masalah dalam menggunakan metode sealselidik dalam kajian. Oleh kerana sistem pekerjaan di kilang adalah berdasarkan kepada peraturan-peraturan tertentu, kajian sealselidik hanya dapat dijalankan semasa pekerja-pekerja kilang itu makan dan berhat di kantin. Dengan masa yang singkat, pengkaji telah mengedarkan setengah daripada barang-barang sealselidik kepada pekerja-pekerja kilang untuk diisikan sendiri. Akan tetapi, apabila barang-barang itu dikembalikan kepada pengkaji, terdapat sealan-sealan dalam barang yang tidak dijawab dan diisikan. Ada pula barang sealselidik yang hilang.

Selain dari itu, jawapan yang diberikan oleh responden semasa dissealselidik, banyak dipengaruhi oleh rakan-rakan mereka yang berada di samping mereka itu. Terdapat pula responden-responden yang kurang serius semasa memberikan jawapan. Di samping itu, pengkaji mendapati bahawa sebilangan responden tidak memberi jawapan yang benar, terutama sekali keterangan-keterangan mengenai kedudukan kewangan dan hak-milik. Namun begitu, pada keseluruhannya, kerjasama yang diberikan agak memuaskan.

Di samping itu, pengkaji juga menghadapi beberapa masalah dalam menganalisis data-data keterangan-keterangan yang dikumpulkan. Ini adalah disebabkan, terdapat beberapa data yang tidak lengkap dan beberapa keterangan-keterangan yang tidak diperolehi.

### 1.5 Koncep dan Difinisi

Perkembangan perindustrian terutama sekali selepas Revolusi Perindustrian yang berlaku di Eropah pada abad yang ke 18 dan 19, telah menarik minat ramai pengkaji-pengkaji. Berikut dari itu, lahir kajian-kajian yang berdasarkan disiplin Antropologi dan Sosiolegi. Antara tokoh-tokoh terkenal dalam sosiologi industri ialah Marx, Weber, Durkheim, Elton Mayo dan Moore. Minat pengkaji-pengkaji dalam bidang ini tertumpu kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam struktur sosial, akibat dari industrialisasi.

Industrialisasi mengikut, seorang sarjana ekonomi, J.R.T. Hughes ialah;

"..... the system of production that had arisen from the steady development, study and use of scientific knowledge. It is based on the division of labour and on specialization and uses mechanical, chemical, and power-driven, as well as organizational and intellectual aids in production."<sup>4</sup>

Mengikut definisi ini, industrialisasi merupakan satu cara untuk menyusun kehidupan ekonomi masyarakat untuk mencapai tingkat pengeluaran dan pemasaran yang lebih tinggi. Namun begitu, definisi ini tidak cukup untuk menjelaskan industrialisasi dalam konteks sosial. Difinisi yang lebih luas harus juga menjelaskan industrialisasi sebagai suatu pergerak utama perubahan sosial. Melaluinya berbagai perubahan tercetus, merubah cerak masyarakat.

---

4

Hughes, J.R.T., "Industrialization", International Encyclopedia of the Social Sciences, David L. Sills (ed.), Volume 7, 1968 (hal. 252).

Industrialisasi merupakan suatu strategi pembangunan negara yang begitu penting terutama sekali bagi negara-negara membangun seperti Malaysia. Selepas kemerdekaan, berbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan Negara Malaysia untuk menggalakkan perindustrian. Pembangunan perindustrian melibatkan penyediaan segala kemudahan asas infrastruktur seperti elektrik, air, kemudahan pengangkutan, tenaga buruh, alat perhubungan dan beberapa kemudahan lain.

Ternyata kepentingan dari segi ekonomi, adalah dari segi pengeluaran dan pemasaran yang lebih tinggi. Ini melibatkan juga semua aspek yang boleh mengendalikan pengeluaran dan pemasaran seperti tenaga buruh, bahan mentah, teknik pengeluaran dan sebagainya. Namun, proses industrialisasi ini bukan sahaja penting dalam menambahkan pendapatan negara tetapi juga mewujudkan modernisasi dalam masyarakat. Modernisasi sebagaimana yang dijelaskan oleh Eisenstadt dan Restew ialah,

"All these development in modern societies which follow in the wake of industrialization and mechanization. They include the lessening of boundaries between social classes and an increase in social mobility, the growth of education; new procedures of industrial negotiations; extension of franchise; the development of social services; etc. ...."<sup>5</sup>

Satu daripada ciri utama pembangunan industri ialah urbanisasi. Urbanisasi didifinisikan sebagai proses masyarakat menerima cerak hidup bandar.<sup>6</sup> Urbanisasi berhubung rapat dengan

<sup>5</sup> Allan Bullock and Oliver Stallybrass, The Fontana Dictionary of Modern Thought, Richard Clay Ltd., 1977 (Hal. 397).

<sup>6</sup> Edwin Eames and Judith Granich Gonda, Anthropology of the City; An Introduction to Urban Anthropology, Prentice Hall Inc., New Jersey, 1977 (Hal. 68).

proses industrialisasi dan kedua aspek ini saling pengaruh mempengaruhi. Proses urbanisasi terbahagi kepada 3 iaitu; pertama, peringkat berlakunya penghijrahan dari luar bandar ke bandar, kedua, berlakunya perubahan kegiatan ekonomi luar bandar ke bandar, iaitu daripada pertanian kepada perdagangan dan perusahaan; ketiga, berubahnya sikap, nilai dan cara hidup luar bandar kepada nilai dan cara hidup bandar.

Penghijrahan tenaga kerja dari luar bandar adalah disebabkan ada faktor penarikan iaitu dengan adanya peluang-peluang pekerjaan yang banyak yang ditawarkan di sektor perindustrian. Tenaga kerja yang terdiri dari belia-belia mula bertumpu ke kawasan-kawasan bandar industri. Belia-belia ini meninggalkan des untuk ke bandar, akibat dari itu, tenaga kerja di kawasan-kawasan pertanian berkurang. Tegasnya di sini, sebagai akibat daripada industrialisasi dan urbanisasi, ujud perubahan pada struktur pekerjaan penduduk-penduduk sekitarnya.

Satu lagi ciri penting industrialisasi ialah pertumbuhan penduduk yang pesat. Pertumbuhan penduduk yang pesat juga berkait-rapat dengan pertumbuhan industri dan urbanisasi, sebagai hasil dari industrialisasi yang dijalankan. Faktor utama pertumbuhan penduduk yang pesat ialah penghijrahan dan kadar kematian yang rendah, dengan adanya berbagai kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan bandar.

Di samping itu industrialisasi juga melibatkan perubahan dalam struktur sosial. Ini termasuklah perubahan-perubahan dalam keluarga dan kekeluargaan, hubungan sosial, stratifikasi sosial, perpaduan sosial dan sebagainya.

## BAB II

### LATAR BELAKANG INDUSTRIALISASI DAN LATAR BELAKANG GEOGRAFI

#### 2.1 Industrialisasi Di Malaysia Secara Umum

Pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian pada masa kini merupakan suatu elemen yang penting bagi pertumbuhan ekonomi, terutama sekali kepada negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Pada masa kemerdekaan negara kita pada 31hb. Ogos 1957, tingkat perindustrian berada pada tahap yang rendah sekali. Ketika itu, hanya terdapat satu kawasan perindustrian yang dimajukan iaitu di Petaling Jaya. Kawasan Perindustrian Petaling Jaya terletak di kawasan yang strategik, iaitu di antara jalanraya besar dan jalan keretapi yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Kelang serta jauhnya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang cuma sejauh sebelas batu sahaja.

Kawasan Perindustrian Petaling Jaya mula dibangunkan di dalam tiga peringkat, di mana tiap-tiap peringkat terletak di kawasan yang berasingan di dalam keseluruhan kawasan tersebut. Peringkat I merupakan percubaan yang mula-mula sekali di Malaysia di dalam perancangan yang sistematis pembangunan suatu kawasan yang semata-mata dikhaskan untuk penempatan perindustrian. Kawasan seluas 300 ekar yang disediakan pada peringkat pertama pembangunan kawasan perindustrian tersebut telah mendapat tindakbalas dan sambutan yang memuaskan daripada pengusaha-pengusaha.<sup>7</sup>

<sup>7</sup> Hussin b. Haren, 'Peranan dan Perancangan Kawasan-kawasan Perindustrian dalam Proses Industrialisasi di Negeri Johor', Fakulti Ekonomi, UM, 1976 (BAB II) Hal. 20.

Dengan adanya tindakbalas yang memuaskan dari pengusaha-pengusaha dalam peringkat I pembangunan kawasan perindustrian Petaling Jaya, peringkat yang kedua dan ketiga telah dibuka dan dibangunkan. Kedua-dua peringkat pembangunan juga telah mendapat sambutan yang baik daripada pengusaha-pengusaha. Ketika itu, permintaan untuk tanah-tanah perusahaan kawasan tersebut telah melebihi penawarannya.

Perkembangan perindustrian yang lancar sebagaimana yang dialami di Kawasan Petaling Jaya juga adalah didorong oleh dasar-dasar Kerajaan yang agresif untuk menggalakkan penyertaan pengusaha-pengusaha industri. Di bawah Rancangan Lima Tahun Malaya Pertama dan Kedua (1956-60 dan 1961-65), sejumlah besar wang telah diperuntukkan untuk perbelanjaan ke atas penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, bekalan elektrik, pengangkutan dan perhubungan di kawasan-kawasan perindustrian.<sup>8</sup>

Pada tahun 1958, undang-undang taraf perintis (*pioneer industries legislation*) diperkenalkan. Undang-undang tersebut membolehkan pengecualian cukai perusahaan di tahun-tahun permulaan aktivitinya. Seterusnya, undang-undang tersebut telah diparkemaskan dengan Akta Galakan Pelaburan pada 1968. Ini membuktikan bahawa Kerajaan pada masa itu telah mula menggalakkan pembangunan kawasan perindustrian dan sektor industri di negara ini.

Dasar Kerajaan mengembangkan sektor industri adalah berseusian dengan objektif-objektif yang hendak dicapai, iaitu untuk

---

<sup>8</sup> Ibid., Hal. 12.

meninggikan taraf hidup rakyat dengan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan untuk mengatasi pengangguran, menambahkan pendapatan tukaran asing, mengantikan barang-barang impot dengan barang-barang tempatan, mempelbagaikan ekspet negara serta mengimbangkan pembangunan dan kemajuan antara ~~daerah~~. Selaras dengan dasar-dasar Kerajaan, pindaan-pindaan dibuat dalam tahun 1973 dan kemudian 1977 kepada Akta Galakan Pelaburan.

Sebagai tambahan, untuk memudahkan perkembangan aktiviti-aktiviti industri baru, perlindungan takrif dan pengecualian dari cukai impot dan cukai tambahan telah diberikan. Untuk mengendalikan pembangunan dan kemajuan sektor industri dengan lebih licin lagi, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) telah ditubuhkan pada akhir tahun-tahun 1960 an, memandangkan kurangnya penglibatan Bumi-putra di bidang perusahaan.

Kemudahan-kemudahan kredit sama ada pinjaman jangka panjang atau jangka pendek serta perkhidmatan nasihat teknik boleh diperolehi dari Syarikat Permedalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd. (MIDF) dan syarikat-syarikat anaknya iaitu Syarikat Kawasan-kawasan Perusahaan Malaysia Sendirian Bhd. (MIEL) dan MIDF Industrial Consultant Sendirian Bhd.

Latihan kemahiran bahagian pengurusan perusahaan dan teknikal pula menjadi peranan penting Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) dan institusi-institusi pelajaran tinggi di Malaysia. Pusat Daya Pengeluaran Negara dijadikan sebuah perbadanan pada tahun 1966.

Objektif utama PDPN<sup>9</sup> ialah:

<sup>9</sup> Zain Md. Akil, 'Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan penglibatannya di dalam aspek sosio-ekonomi orang-orang Melayu di Johor Bahru', UKM, 1977.

- a) membuat penyelidikan dan penilaian pada aktiviti ekonomi yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan.
- b) memberi cadangan untuk memperbaiki ekonomi negara.
- c) membuat kajian jangkapanjang terhadap masa depan ekonomi negara.

Di samping itu juga, Kerajaan telah mengambil perhatian yang berat ke arah menjaga dan memelihara kedudukan politik dan perlembagaan yang stabil, kedudukan kewangan yang stabil, sistem bank yang baik, struktur fiskal yang adil, pergerakan Kesatuan Sekerja yang bertanggungjawab, penawaran pekerja terlatih yang cukup serta kemudahan-kemudahan infrastruktur yang menggalakkan. Dasar sedemikian adalah untuk menarik pelabur-pelabur dari luar negeri di samping pelabur-pelabur tempatan. Besarnya campurtangan Kerajaan dalam aspek ini adalah supaya kemajuan industrialisasi dapat bergerak ke puncak yang maksima.

Kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai menerusi perindustrian di Petaling Jaya telah mendorong Kerajaan pusat untuk menggerakkan Kerajaan-kerajaan negeri untuk memperbanyakkan lagi pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian. Dalam tempoh masa yang singkat, beberapa kawasan-kawasan perindustrian telah mula muncul. Antaranya ialah Shah Alam di Selangor, Senawang di Negeri Sembilan, Larkin dan Tampe i di Johor.

Pada peringkat awal perkembangan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian, hampir kesemua Kerajaan memulakan pembukaan

kawasan-kawasan perindustrian mereka berhampiran dengan bandar-bandar. Contohnya ialah Petaling Jaya yang berhampiran dengan Kuala Lumpur, Tasek di Ipoh, Senawang di Seremban, Larkin di Johor Bahru, Kamunting di Taiping, Likas di Kota Kinabalu dan Bintawa di Kuching. Tujuannya ialah untuk mempastikan kejayaan projek-projek perindustrian yang dijalankan kerana pasaran buruh, pasaran barang-barang keluaran, kemudahan-kemudahan sosial dan ekonomi termasuklah infrastruktur, mudah diperolehi di bandar-bandar.

Walaupun begitu, pada peringkat selanjutnya, pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di Malaysia telah mengalami perubahan-perubahan di mana pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan industri mula ditumpukan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Contohnya ialah seperti di Pasir Gudang dan Tengkang Pecah di Johor, Mergong di Kedah dan Air Keroh di Melaka.

Di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru, matlamat Kerajaan adalah untuk memperbanyakkan lagi pembukaan kawasan-kawasan perindustrian terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar yang kurang maju. Ini bukan sahaja akan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk sekitarnya, tetapi juga akan membantu kemajuan di kawasan-kawasan tersebut.

Secara umum, pencapaian sektor perindustrian di Malaysia dalam dua dekad yang lalu menunjukkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan. Sektor pembuatan yang menyumbangkan 9% kepada KDNK dalam tahun 1960, telah meningkat kepada lebih kurang 19% pada tahun 1980 (dalam harga 1970). Eksport barang-barang keluaran industri Malaysia pada tahun 1960 meliputi 8-12% daripada keseluruhan eksport negara, telah meningkat kepada 22% dalam tahun 1980 dan 30% dalam tahun 1983. Di samping itu, sektor pembuatan juga menyumbangkan 15%.

daripada keseluruhan pekerjaan, dalam tahun 1983 berbanding dengan 8% pada dua dekad yang lalu.<sup>10</sup>

Perubahan-perubahan ini adalah hasil daripada strategi dan dasar Kerajaan. Strategi-strategi ini berubah mengikut masa dan situasi. Dalam tahun-tahun 1960an, kekurangan pengalaman pengurusan dalam perusahaan industri, kekurangan pekerja yang mahir dan berdisiplin serta asas industri yang begitu sempit, menjadikan strategi 'penggantian impet' (impet-substitution) sebagai strategi yang paling praktikal pada ketika itu. Walaupun begitu, selepas isu 13 Mei 1969, seluruh dasar ekonomi telah diubahsuai mengikut kehendak-kehendak DEB. Penekanan diberikan kepada pertumbuhan yang lebih seimbang di antara kaum. Aspek-aspek penyusunan semula masyarakat ini memerlukan campurtangan Kerajaan secara langsung yang lebih meluas dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Di samping itu juga, strategi telah disusun dan dirancangkan supaya lebih menggalakkan ekspet negara dan penglibatan pengusaha-pengusaha tempatan yang lebih meluas.

Kemelesetan ekonomi dunia dan negara dalam tahun-tahun 1980-an menimbulkan keperluan untuk mengkaji semula strategi pembangunan perindustrian. Secara ringkas, strategi perindustrian yang baru dalam RME<sup>11</sup> akan mengandungi 6 elemen penting iaitu:-

<sup>10</sup> 'Seminars on the Mid-term review of the Fourth Malaysia Plan', Petaling Jaya, May 1984.

<sup>11</sup> Osman Rani Hassan, 'New Directions in industrialization; some strategic issues, Seminar on the Mid-term review of the Fourth Malaysia Plan', Petaling Jaya, May 1984.

- (a) Dalam pencapaian matlamat-matlamat DEB, penekanan diberikan kepada penglibatan Bumiputra secara lebih meluas dalam sektor industri dari segi pekerjaan, pemasaran, pengusahaan, dan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.
- (b) Pengagihan kawasan-kawasan perindustrian ke kawasan-kawasan kurang maju supaya dapat mencapai pertumbuhan industri yang lebih seimbang di antara daerah.
- (c) Memperluaskan asas sektor industri dengan penekanan kepada penggunaan yang lebih berkesan ke atas bahan-bahan semulajadi, teknologi yang lebih tinggi dan industri-industri berat.
- (d) Meningkatkan teknologi yang lebih tinggi dari segi meningkatkan kemahiran-kemahiran teknikal pekerja-pekerja tempatan dalam sektor industri.
- (e) Penekanan ke atas pembangunan dan pembaharuan dalam industri kecil-kecilan untuk memperseimbangkan pertumbuhan ekonomi.
- (f) Pertumbuhan industri-industri berat supaya dapat mengurangkan pergantungan kepada negara-negara asing.

## 2.2 Industrialisasi di Negeri Johor, Secara umum

Perkembangan kawasan perindustrian di Negeri Johor adalah sepenuhnya dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Pada peringkat permulaannya, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil tanggungjawab secara langsung, di mana perancangan dan perlaksanaannya menjadi urusetia kepada Pejabat Setiausaha Negeri Johor melalui Pejabat Kemajuan Negeri Johor (PKN). Kawasan-kawasan perindustrian yang mula-mula dibangunkan ialah kawasan perindustrian Tampoi dan Larkin. Kedua-duanya adalah berhampiran dengan pusat pentadbiran Negeri Johor, iaitu di Johor Bahru.

Seterusnya, pada tahun 1968, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk memusatkan lagi perkembangan ekonomi Negeri Johor. PKENJ telah mengambil kesempatan itu untuk bergerak serta mengambil bahagian secara aktif di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan perusahaan di Negeri Johor.

Penglibatan PKENJ secara aktif dalam pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Johor telah menghasilkan 5 kawasan perindustrian pada penghujung tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, untuk memenuhi permintaan yang meningkat. Kawasan-kawasan tersebut ialah;

- 1) Kawasan Perindustrian Pasir Gudang
- 2) Kawasan Perindustrian Tanjung Agas, Muar
- 3) Kawasan Perindustrian Tongkang Pecah, Batu Pahat
- 4) Kawasan Perindustrian Segamat I
- 5) Zon Perdagangan Bebas Senai.

Sehingga bulan Disember 1982, seluas 789.57 hektar telah

dimajukan di kelima-lima kawasan perindustrian tersebut. Daripadanya seluas 498.59 hektar telah dijual kepada pengusaha-pengusaha Pasir Gudang merupakan kawasan yang terbesar dimajukan di Negeri Johor, meliputi kawasan seluas 615.95 hektar (termasuk kawasan Perdagangan Bebas seluas 1905).<sup>12</sup>

Selain daripada itu, sebanyak 4 lagi kawasan perindustrian yang meliputi kawasan seluas 90.67 hektar sedang dimajukan oleh Perbadanan iaitu di Parit Raja, Sri Gading, Kota Tinggi dan Kluang. Pembangunan kawasan-kawasan perindustrian oleh PKENJ memperlihatkan bahawa dasar penempatan kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Johor pada masa kini lebih ditujukan di kawasan-kawasan kurang maju. Tujuan dasar tersebut adalah untuk memperseimbangkan pembangunan sosio-ekonomi di kawasan-kawasan kurang maju.

Kajian perancangan dan pembangunan wilayah Johor Selatan oleh The Shankland Cox Partnership, telah menunjukkan bahawa wilayah Johor Selatan akan menjadi kawasan perindustrian yang utama serta membuka banyak peluang pekerjaan dalam negeri dalam sektor pembuatan.

Pembangunan industri di wilayah Johor Selatan yang terletak berhampiran dengan Singapura, didapati lebih bertumpu di daerah Johor Bahru. Mengikut Bincian Industri Pembuatan 1973, 63% daripada peluang-peluang pekerjaan bertumpu di kawasan MPJB. Oleh itu, perancangan-perancangan telah dirangka dengan pembangunan estet-estet industri secara besar-besaran di luar daripada MPJB. Ini telah memberi kesan ke atas pembangunan estet-estet industri di Pasir

---

<sup>12</sup> Sila lihat Lampiran 1.

Gudang. Adalah dijangkakan dengan pembangunan estet-estet industri tersebut, peluang-peluang pekerjaan di sektor industri di MPJB akan berkurangan ke paras 5%.

Pengaruh Singapura terhadap pembangunan industri di kawasan wilayah Johor Selatan tidak dapat dinafikan kerana Singapura mempunyai pertalian ekonomi yang rapat dengan Semenanjung Malaysia secara keseluruhannya. Singapura yang sedang mengalami peringkat Revolusi Industri kedua mempunyai potensi untuk mengalihkan lokasi industri-industri yang berbentuk penggunaan tenaga buruh intensif seperti industri pembinaan, perkapalan dan elektronik ke kawasan-kawasan luar Singapura. Johor Bahru yang terletak berhampiran dengan Singapura mempunyai potensi untuk menempatkan industri-industri tersebut.

Secara amnya, aktiviti-aktiviti industri pembuatan di MPJB dan Mukim Plentong adalah berorientasikan untuk kegunaan tempatan manakala industri-industri di Pasir Gudang lebih berorientasikan kepada perdagangan antarabangsa.<sup>13</sup>

### 2.3 Latar Belakang Geografi

#### 2.3.1 Pasir Gudang

Pasir Gudang merupakan kawasan bandar baru perindustrian dan mempunyai keluasan 34.9 km persegi. Kawasan bandar Pasir Gudang yang terletak lebih kurang 26 km ke Timur Johor Bahru adalah sebuah bandar baru yang sedang pesat membangun. Kompleks Pasir Gudang yang terletak di atas kawasan lebih kurang 7,000 ekar ini adalah penting

---

<sup>13</sup> Sumber data diperolehi dari kajian yang dilakukan oleh Unit Pelan Struktur, MPJB, Johor Bahru.

untuk ekonomi negara dan mempunyai fungsi-fungsi strategik dari segi pembangunan negara, memandangkan kedudukannya yang bersebelahan dengan pelabuhan Johor dan jauhnya ke lapangan terbang antarabangsa di Senai adalah 33 batu. (Lihat peta-peta yang disediakan).

Kawasan ini berada di bawah bidangkuasa Majlis Berkusa Tempatan Pasir Gudang yang ditubuhkan pada 1hb. Julai 1977. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) adalah bertanggungjawab ke atas pentadbiran bandar baru ini.

Pihak Berkusa Tempatan Pasir Gudang di bawah PKENJ adalah bertanggungjawab untuk;

- (i) Meluluskan pelan-pelan bangunan kilang, perumahan dan bangunan-bangunan lain bagi seluruh kawasan tersebut.
- (ii) Mengenakan, menilai, menaksir serta memungut cukai harta (Assessment) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam enakmen Lembaga Bandaran.
- (iii) Memberikan perkhidmatan seperti mengangkut sampah-sarap, menjaga kebersihan, menyediakan berbagai-bagai kemudahan awam seperti padang-padang sukan dan permainan kanak-kanak.
- (iv) Membina gerai-gerai perniagaan dan memungut bayaran lesen-lesen perniagaan.
- (v) Menjalankan tugas-tugas dan kuasa lain sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam enakmen Lembaga Bandaran.

Pembangunan kompleks Pasir Gudang adalah dibahagikan kepada;

	<u>Hektar</u>	<u>Ekar</u>
Kawasan Perindustrian	896	2,214.02
Kawasan Perdagangan Bebas	109	269.34
Kawasan Perumahan	868	2,144.83
Kawasan Pusat Bandar	57	140.85
Kawasan Pusat Perjiranan	15	37.07
Kawasan Rizeb kemudahan perkhidmatan (Telekom, letrik, kolam air, sekolah dsb.)	195	481.85
Pelabuhan Johor	199	491.73
(di bawah kuasa Lembaga Pelabuhan Johor)		

(Sumber: PKENJ)

Berbagai-bagi kemudahan infrastruktur telah disediakan terutama sekali di estet industri Pasir Gudang dengan tujuan untuk menarik pengusaha-pengusaha dan pekerja-pekerja. Kawasan Perindustrian disediakan dengan jalan-jalanraya 'bituminous' yang bermutu tinggi. Jalanraya baru yang menghubungi Pasir Gudang dengan Johor Bahru/Tampoi telah disiap bina dan telah mula digunakan. Begitu juga jalan keretapi yang menghubungi Pasir Gudang dengan jalan keretapi utama Utara-Selatan di Kempas, Johor Bahru telah siap dibina.

Di samping itu, Pasir Gudang disalurkan dengan kuasa letrik dari Stesyen Sultan Iskandar. Pada masa kini, stesyen tersebut mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan 240 Megawatt (MW). Pada masa kini, sejumlah 29.5 juta litre air disalurkan ke Pasir Gudang pada setiap hari. Untuk menyelesaikan masalah kekurangan pembekalan air

di Pasir Gudang, satu rancangan pembekalan air yang baru (kira-kira 10 km utara dari Pasir Gudang) sedang dibina. Ia dijangka akan siap pada tahun 1985 dan mempunyai keupayaan untuk membekalkan 181.8 juta litre sehari yang mana 91 juta litre akan disalurkan ke Pasir Gudang setiap hari.

#### 2.3.2 Pelabuhan Johor

Pelabuhan Johor yang terletak di kawasan lebih kurang 20 batu ke timur Johor Bahru meliputi suatu kawasan seluas kira-kira 500 ekar. Kerajaan Pusat, setelah meninjau dua belas kawasan di sepanjang Selat Johor untuk dijadikan pelabuhan, telah memilih Pasir Gudang bagi dimajukan. (Lihat Peta).

Permilihan kawasan tersebut adalah bersebabkan kawasan Pasir Gudang mempunyai kawasan air yang dalam, tapak yang kuat serta keperluan-keperluan lain untuk pembinaan pelabuhan. Kerja-kerja pembinaan pelabuhan Johor telah bermula dalam bulan Julai 1972 dan menjelang bulan Januari 1977, pelabuhan Johor dapat beroperasi sepenuhnya.

Lembaga Pelabuhan Johor, badan yang dipertanggungjawabkan melaksanakan projek rasaksa ini, telah mula menjalankan pentadbiran pelabuhan tersebut pada bulan Januari 1976.

# ESTET PERINDUSTRIAN PASIR GUDANG JOHOR BAHRU



0 0.25 0.5 0.75 1



DARI KULAI

SENAI AIRPORT

KE KOTA TINGGI

UKURAN : 3 BATU PADA SA INCI

## PETUNJUK/LEGEND:

- [Red Box] KAWASAN PERINDUSTRIAN/INDUSTRIAL ESTATE
- [Blue Box] PELABOHAN JOHOR / JOHORE PORT
- [Green Box] KAWASAN PERUSAHAAN YANG TELAH ADA / EXISTING INDUSTRIAL AREA
- [Pink Dashed Line] CADANGAN JALAN RAYA / PROPOSED ROAD
- [Black Dashed Line] CADANGAN JALAN KERETAPI / PROPOSED RAILWAY LINE

16  
14  
12  
10  
8  
4  
2  
10  
12  
14  
16  
18

## JOHOR BAHRU

SEKUDAI

KEMPAS

TEBRAU

PELENTONG

PANDAN

10

6

4

2

2

JOHOR

BAHRU

KG.

DATO' ONN

TAMPOI

4

2

2

JOHOR STRAITS

MASAI

16

18

14

12

10

8

6

4

2

1

0

## SINGAPORE

PAYA LEBAR  
AIRPORT

JURONG

JOHOR STRAITS




UKURAN : 8 RANTAI PADA SE INCI

## ESTET PERINDUSTRIAN TANJONG AGAS - MUAR

### PETUNJUK

- RUMAH KEDAI / SHOP HOUSES
- KAWASAN PERINDUSTRIAN / INDUSTRIAL
- KAWASAN LAPANG / GREEN BELT
- BENTENG / BUND
- RIZAB SUNGAI DAN PARIT / RIVER AND DRAINAGE RESERVES
- RIZAB JALAN DAN LORONG / ROAD AND LANE RESERVES



- PERUSAHAAN BERAT / HEAVY INDUSTRY ..... B
- " SEDERHANA / MEDIUM INDUSTRY ..... S
- " RINGAN / LIGHT INDUSTRY ..... R



### BAB III

#### DASAR-DASAR DAN AKTIVITI-AKTIVITI PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI JOHOR

##### 3.0 Pengenalan

Negeri Johor adalah salah sebuah negeri di Malaysia yang telah mencapai kemajuan ekonomi yang pesat. Sumbangan PKENJ ke arah pencapaian tingkat ekonomi yang tinggi di Negeri Johor adalah begitu besar dan penting sekali.

Tahun 1983 merupakan tahun ketiga Rancangan Malaysia Keempat dan tahun yang ke 13 sejak PKENJ memulakan operasinya pada 1hb. Ogos 1970. Di sepanjang 13 tahun yang lepas, Perbadanan ini telah menjalankan aktiviti-aktivitinya, iaitu dalam memaju, menggalak, memudah dan menjalankan kemajuan tanah di Negeri Johor bagi maksud-maksud kemajuan pertanian, perumahan, perusahaan, perlombongan dan perdagangan. Kewajipan ini merangkumi semua cita-cita bagi meninggikan taraf ekonomi penduduk-penduduk di Negeri Johor selaras dengan hasrat dan cita-cita DEB untuk menyusun semula masyarakat di Malaysia dengan mewujudkan suatu masyarakat perdagangan dan perusahaan Bumi-putera di samping membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Perbadanan ini sentiasa memandang ke hadapan dan sentiasa giat menjalankan penyelidikan-penyelidikan, merancang, melaksanakan dan menjayakan berbagai-bagai projek yang meliputi berbagai-bagai bidang ekonomi bagi mencapai tujuan penubuhannya.<sup>14</sup>

<sup>14</sup> Tujuan penubuhan PKENJ di bawah Enakmen PKENJ Bilangan 4 tahun 1968 adalah untuk, "..... memaju, menggalak, memudah dan menjalankan segala kemajuan tanah dalam Negeri Johor bagi maksud-maksud kemajuan pertanian, perumahan, perusahaan, perlombongan dan perdagangan ....."

### 3.1.0 Dasar-Dasar/Aktiviti PKENJ

Selaras dengan aspirasi dan kehendak Dasar Ekonomi Baru, Perbadanan adalah digerakkan ke arah pencapaian 3 matlamat berikut:

- i) Menyusun semula masyarakat;
- ii) Membasmi kemiskinan; dan
- iii) Membina sebuah organisasi yang teguh, berdayamaju dan berdikari.

Untuk mencapai matlamat-matlamat di atas, Perbadanan telah dan sedang mengambil beberapa langkah bercorak jangka pendek dan jangka panjang, iaitu dengan mengenal pasti dan menjalankan projek-projek pertanian, pembangunan kawasan-kawasan perindustrian, penubuhan dan penglibatan dalam syarikat-syarikat anak dan sekutu, pembinaan rumah dan kedai, pembangunan Bandar Baru Pasir Gudang dan sebagainya bagi membantu di dalam usaha-usaha menyusun semula masyarakat, membasmi kemiskinan serta pembangunan ekonomi amnya.

Projek-projek yang telah dan sedang dimajukan oleh Perbadanan ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu;

- i) Menyumbangkan terhadap pembangunan ekonomi dan membasmi kemiskinan melalui menggalakkan pertumbuhan industri dan membuka tanah untuk projek-projek pertanian.
- ii) Menyusunkan semula masyarakat melalui langkah-langkah membantu Bumiputera seperti dalam usaha menyediakan tempat berniaga di pusat-pusat bandar dan menambahkan hak milik Bumiputera di dalam sektor swasta.

- (iii) Untuk bertindak sebagai pusat pertumbuhan yang baru dan sebagai tenaga serta semangat baru yang menggerakkan pembangunan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar.
- (iv) Untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan di kawasan yang dimajukan serta memajukan jenis-jenis industri yang dapat memberi 'technical know-how' kepada penduduk-penduduk setempat.
- (v) Untuk membantu dalam usaha menyusun semula masyarakat.

Usaha-usaha bagi menyediakan infrastruktur adalah ditumpukan kepada kerja-kerja pembukaan kawasan-kawasan perindustrian yang merupakan aktiviti utama yang dijalankan oleh Perbadanan. Aktiviti perindustrian adalah menjadi teras kepada perkembangan sektor perkilangan di Negeri Johor bagi menambahkan peluang-peluang pekerjaan di samping untuk memperkembangkan ekonomi Negeri ini.

Sehingga akhir Disember, 1983, Perbadanan telah/sedang memajukan 9 buah kawasan perindustrian yang terdiri daripada Kawasan Perindustrian Pasir Gudang (1,233.87 hektar), Tanjung Agas (78.51 hektar), Tongkang Pecah (15.18 hektar), Senai (40.47 hektar), Segamat (39.46 hektar), Parit Raja (37.64 hektar), Sri Gading (121.41 hektar), Kota Tinggi (12.14 hektar) dan Kluang (52.21 hektar).<sup>16</sup>

<sup>16</sup> Sumber data-data dan perangkaan tahun 1983 itu adalah dari kertas kerja PKENJ, 'Kembara Pencapaian Matlamat Dasar Ekonomi Baru', Mac 1984.

**3.1.2 Pembangunan serta penyusunan semula sektor pertanian dan perladangan**

---

Pembangunan dan kemajuan sektor pertanian dan perladangan telah diberi keutamaan oleh Perbadanan kerana sektor ini bukan sahaja memberi sumbangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tetapi ladang-ladang juga adalah sumber tanah yang mustahak untuk projek-projek pembangunan di masa hadapan, yang dapat memberikan keuntungan jangkapanjang.

Penglibatan Perbadanan ini dalam sektor pertanian dan perladangan telah dipertingkatkan. Sehingga akhir Disember, 1983, Perbadanan adalah terlibat dalam pengurusan ladang seluas 67,017 hektar. Dari jumlah tersebut, seluas 43,085 hektar telah pun bertanam iaitu 35,962 hektar dengan kelapa sawit, 5,909 hektar dengan getah, 1,214 hektar dengan koko dan kelapa mawa.

Projek-projek pertanian adalah merupakan projek-projek yang strategik kepada Perbadanan kerana sumbangannya terhadap pencapaian matlamat-matlamat berikut;

- (i) Melalui projek-projek ini, Perbadanan bertujuan untuk menambahkan penyertaan Bumiputera di dalam sektor perladangan, dan dengan demikian membantu dalam usaha penyusunan semula sektor perladangan di Negeri Johor.
- (ii) Dengan pembukaan ladang-ladang baru, Perbadanan dapat memberi sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi dan penghapusan kemiskinan melalui penyediaan

peluang-peluang pekerjaan di sektor ini.

(iii) Pelaburan Perbadanan di dalam projek-projek pertanian adalah merupakan pelaburan yang akan memberikan keuntungan yang sangat-sangat diperlukan oleh Perbadanan untuk dijadikan sumber kewangan, terutamanya untuk jangka panjang .

(Sumber: PKENJ)

Melalui projek-projek perladangan ini, Perbadanan telah dapat membantu di dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan iaitu melalui penyediaan peluang-peluang kerja kepada lebih daripada 6,700 orang yang mana 41% adalah Bumiputera, 28% bukan Bumiputera dan 31% pekerja kontrek.<sup>17</sup>

### 3.1.3 Sektor Syarikat

Matlamat penglibatan Perbadanan di dalam sektor syarikat juga adalah selaras dengan matlamat DEB, iaitu untuk menyusun semula pegangan modal saham syarikat-syarikat serta menentukan penyertaan Bumiputera dan seterusnya untuk memperseimbangkan penyertaan ekuiti di sektor ini di Negeri Johor.

Bersampingan dengan objektif di atas, penglibatan Perbadanan dalam sektor ini juga membolehkannya membina pusat keuntungan dan mengumpulkan harta untuk berdikari.

Sehingga akhir Disember 1983, Perbadanan memiliki 16

---

<sup>17</sup> Lihat Lampiran 3.

Syarikat Anak dan 13 Syarikat Sekutu yang beroperasi di bidang-bidang pertanian, perkilangan, pembinaan, perlombongan, kayu-kayan, perdagangan, pengangkutan, perkhidmatan pengurusan dan pelaburan. Dalam tempoh Januari hingga Disember 1983, Perbadanan telah memperolehi dividen sebanyak \$10.58 juta dari pelaburan saham dalam Syarikat-syarikat Anak dan Sekutu.

Melalui Syarikat Anak dan Sekutu juga, kaum Bumiputera adalah dilibatkan melalui latihan dan peluang-peluang pekerjaan dalam syarikat-syarikat berkenaan. Sehingga akhir Disember 1983, tidak kurang daripada 2,500 orang (tidak termasuk pekerja ladang seramai 4,544 orang) yang mana 64% adalah Bumiputera, 29% bukan Bumiputera dan 7% pekerja kontrak, telah diberi pekerjaan di dalam syarikat-syarikat tersebut.

#### 3.1.4 Sektor Perniagaan dan Perkedaian

Dalam usaha Perbadanan bagi meningkatkan serta membolehkan penyertaan Bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perdagangan, pembinaan serta penjualan dan penyewaan ruang-ruang niaga yang sesuai di pusat-pusat bandar di Negeri Johor telah dijalankan.

Perbadanan telah melaksanakan projek-projek pembinaan kedai dan pusat membeli-belah sejak tahun 1972. Sehingga akhir Disember 1983, Perbadanan telah dapat menyiapkan atau sedang membina 471 unit ruang niaga (tidak termasuk 131 unit ruang pejabat di kompleks Tun Abdul Razak) di beberapa buah projek gerai, kedai dan pusat membeli-belah di beberapa tempat di Negeri Johor. Di dalam baki tempoh RME dan di dalam Rancangan Pembangunan yang akan datang, Perbadanan akan membina beberapa unit ruang-ruang perniagaan dan kompleks membeli-belah di beberapa tempat di Negeri Johor.

### 3.1.5 Rancangan-Rancangan Perumahan

Salah satu daripada aktiviti Perbadanan yang penting ialah usaha-usaha Perbadanan untuk menyediakan rumah kediaman untuk penduduk Negeri Johor. Sebagai salah satu usaha untuk mengatasi masalah perumahan yang dihadapi oleh rakyat yang berpendapatan rendah, Perbadanan telah menjalankan projek-projek perumahan berkos rendah dan sederhana di beberapa tempat di Negeri Johor khususnya yang berdekatan dengan kawasan perindustrian.<sup>18</sup>

Sehingga akhir Disember 1983, Perbadanan telah dapat menyiapkan sebanyak 4,674 unit rumah di Pasir Gudang, Tampoi, Pandan, Tanjung Agas dan Batu Pahat. Sebanyak 754 unit lagi di Pasir Gudang adalah di dalam peringkat pembinaan. Kerja-kerja perancangan untuk membina sebanyak 11,042 unit rumah lagi di Pasir Gudang dan Tampoi telah dimulakan pada tahun 1982. Di antaranya ialah rumah pangsa pasangsiap di Tampoi, Johor Bahru yang akan mengandungi sebanyak 6,024 unit rumah.

Rumah pangsa pasangsiap di Tampoi akan mengandungi 3,184 unit rumah kos rendah dan 2,840 unit rumah kos sederhana. Perlaksanaan projek ini adalah bertujuan, di antara lain, untuk membantu Kerajaan menyelesaikan masalah perumahan awam bagi golongan yang berpendapatan rendah dalam jangkamasa yang paling singkat dan dengan cara yang paling berkesan, menempatkan semula penghuni-penghuni rumah kos rendah 999 unit di Tampoi, serta membantu Kerajaan dalam usaha untuk

---

<sup>18</sup> Keutamaan diberikan kepada projek-projek berkos rendah bagi menampung permintaan dari penduduk yang berpendapatan rendah dan juga pekerja-pekerja kilang di kawasan perindustrian.

menyelesaikan masalah setinggan, khususnya di Johor Bahru.

Kerja-kerja pembinaan (pemasangan) rumah pasangsiap tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat dan akan dimulakan pada pertengahan tahun 1984 ini.

Dengan wujudnya Biro Perumahan di Perbadanan, pembahagian rumah dan kedai kos sederhana dan kos tinggi di kalangan kaum Bumi-putera di Negeri Johor telah dapat diselaraskan. Biro ini adalah dibерikan tugas untuk mengawasi penjualan 40% rumah-rumah **kediaman** dan rumah-rumah kedai yang dirizebkan kepada Bumiputera dalam projek-projek perumahan swasta di seluruh Negeri Johor.<sup>19</sup>

### 3.1.6 Pembinaan Bandar Baru Pasir Gudang - Sebagai Langkah Penyusunan Semula Masyarakat

Sebagai satu langkah untuk menyusun semula masyarakat, Perbadanan adalah terlibat dalam usaha-usaha untuk membina Bandar Baru Pasir Gudang. Bandar Baru ini terletak di dalam kawasan seluas 1,610.68 hektar (3,980), yang mana ini merupakan sebahagian daripada kompleks Pasir Gudang yang juga mengandungi kawasan perindustrian dan kawasan pelabuhan. Bandar Baru tersebut adalah mengandungi kawasan kediaman dan sebuah Pusat Bandar.

Kawasan kediaman tersebut pada asasnya adalah mengandungi unit-unit perjiranan yang bersempadan jalan-jalanraya yang besar.

<sup>19</sup> Sehingga akhir Disember 1983, sebanyak 33.9 peratus (5,869 unit) rumah dan 13.4 peratus (650 unit) kedai peruntukkan Bumiputera yang telah dibuka tempahan telah dibeli oleh Bumiputera melalui khidmat Biro ini.

Setiap unit perjiranan pula akan mengandungi kawasan-kawasan perumahan, pusat perkedaian perjiranan, sekolah menengah/rendah/ugama, dewan masyarakat, tadika dan taman. Ia dijangka akan mempunyai penduduk seramai kira-kira 135,000 orang pada tahun 2,000.<sup>20</sup>

Perbadanan juga sedar tentang perlunya dibina sebuah pusat Bandar yang lengkap dan sempurna lagi moden untuk memenuhi segala keperluan-keperluan penduduk-penduduk di kawasan yang begitu pesat membangun ini. Ia juga akan menjadi pusat perdagangan dan perniagaan serta pentadbiran perbandaran dan juga keagamaan serta kebudayaan. Langkah-langkah yang sewajar diambil, melalui perancangan yang teliti, untuk menggalak dan menentukan agar penyertaan Bumiputera di dalam bidang perdagangan dan perniagaan akan dapat dimaksimakan.

Perlaksanaan perancangan pembangunan pusat Bandar ini dan juga kawasan kediaman adalah berdasarkan kepada pelan konsep. Bandar Baru Pasir Gudang yang telah disediakan oleh Tetuan Nikken Sekkei, pakar perundingan daripada Jepun.

Pembangunan Pusat Bandar Pasir Gudang sedang giat dilaksanakan mengikut tiga peringkat seperti berikut;

---

<sup>20</sup> Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, 'Ke arah Pencapaian Matlamat Dasar Ekonomi Baru', Keluaran PKENJ, Mac 1984.

<u>Peringkat Pelaksanaan</u>	<u>Jenis Bangunan/Kegunaan</u>
Peringkat I (1983 - 1985)	i) Bangunan Pasar 3 Tingkat ii) Pusat Hiburan, Plaza 3 Tingkat Tempat letak kereta. iii) 1 unit supermarket, Gelanggang 'Squash' iv) Perhentian Bas
Peringkat II (1984 - 1986)	i) Bangunan Pentadbiran ii) Hotel iii) Kompleks Membeli-belah dan Ruang Niaga iv) Pusat Riadah dan kelengkapan sukan.
Peringkat III (1985 - 1986)	i) Bangunan Pentadbiran ii) Pembinaan kompleks membeli-belah dan rumah kedai.

(Sumber: PKENJ)

Kerja-kerja pembangunan Peringkat I dengan anggaran perbelanjaan berjumlah \$28.5 juta telah pun dimulakan dan dijangka akan siap pada tahun 1985.

### 3.1.7 Dasar Perbadanan Dalam Projek-projek Lain

Kepentingan Bumiputera sentiasa diambil berat oleh pihak Perbadanan supaya golongan tersebut dapat dibangunkan dan dimajukan ke hadapan dalam usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat DEB. Satu lagi langkah Perbadanan yang tidak kurang pentingnya ialah pemindahan hak milik saham kepada Bumiputera. Bagi memperhebatkan lagi pemindahan

saham-saham Perbadanan kepada Bumiputera dan juga bagi memudahkan Bumiputera melabur serta menyerati dalam projek-projek atau syarikat-syarikat yang maju dan menguntungkan, Perbadanan telah menubuhkan sebuah Syarikat Anak iaitu Pelaburan Johor Bhd. bagi mengendalikan perkara tersebut melalui Tabung Pelaburan Johor.

Perbadanan juga terlibat dalam pembinaan sekolah-sekolah agama serta rumah-rumah guru Agama dan pegawai serta kakitangan Masjid Jamek Kerajaan di beberapa tempat di seluruh Negeri Johor bagi pihak Jabatan Agama Johor. Sehingga akhir Disember 1983, Perbadanan telah dapat menyiapkan pembinaan 43 buah sekolah Agama di beberapa tempat di Negeri Johor.

Salah satu lagi sumbangan yang telah diberikan oleh Perbadanan terhadap usaha-usaha penyusunan semula masyarakat ialah pembinaan kerja-kerja kontrak kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera. Sehingga akhir Disember 1983, Perbadanan telah mengeluarkan 226 kerja-kerja kontrak bernilai sebanyak \$211.97 juta. Dari jumlah kerja-kerja kontrak tersebut, 48.7% telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang bernilai sebanyak \$99.54 juta atau 47.0% daripada jumlah nilai kontrak yang telah dikeluarkan.<sup>21</sup>

### 3.2 Perkembangan Pembangunan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang

Pembukaan kawasan-kawasan perindustrian adalah merupakan aktiviti utama yang dijalankan oleh Perbadanan. Aktiviti Perindustrian adalah menjadi teras kepada perkembangan sektor perkilangan di Negeri

<sup>21</sup> 48.7 peratus yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera adalah termasuk syarikat-syarikat 51 peratus kepunyaan Bumiputera. (Sumber: PKENJ).

Johor, bagi menambahkan peluang-peluang pekerjaan di samping untuk memperkembangkan ekonomi negeri ini.

### 3.2.1 Peringkat-peringkat dan Perlaksanaannya

Berpunca daripada kesedaran akan hakikat bahawa kawasan perindustrian yang ada, iaitu di Larkin dan Tampoi, tidak dapat menampung pertumbuhan parindustrian yang pesat di Negeri Johor, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk membuka beberapa kawasan perindustrian lagi di Negeri Johor dan salah satu daripadanya ialah Pasir Gudang. Pembukaan kawasan Pasir Gudang juga dapat memenuhi hasrat Kerajaan untuk memajukan sebuah pelabuhan serta limbungan kapal yang moden, di samping menjadikannya pusat pertumbuhan yang lengkap.

Kerja-kerja memajukan kawasan perindustrian ini adalah dijalankan secara berperingkat-peringkat sejak daripada bulan Mac, 1972. Kerja-kerja tersebut adalah dijalankan sendiri oleh Perbadanan. Pembangunan keseluruhan Kompleks Pasir Gudang (kecuali kawasan pelabuhan) adalah di bawah tanggungjawab Perbadanan ini. Kuasa ini telah diserahkan kepada perbadanan melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 14.2.1973.

Dengan adanya kawasan perindustrian ini, permintaan terhadap kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Johor yang amat besar akan dapat diatasi setelah kawasan-kawasan perusahaan Larkin dan Tampoi telah dipenuhi oleh kilang-kilang perusahaan.

Pengambilan balik tanah-tanah yang kebanyakannya terdiri dari ladang-ladang pertanian, paya dan hutan telah pun dibuat oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 1971. Pada tahun tersebut, seluas 2,162,28

hektar (5,343 ekar) telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri, dengan harga \$7.63 juta. Berikutnya, pada bulan November 1973, seluas 48.97 hektar (121 ekar) lagi telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri dengan harga \$1.55 juta. Seterusnya, memandangkan perkembangan pembangunan Bandar Baru Pasir Gudang adalah begitu pesat, Kerajaan Negeri sekali lagi mengambil balik tanah yang berhampiran seluas 842.5 ekar di dalam tahun 1978.<sup>22</sup>

Dengan demikian, Perbadanan ini telah ditetapkan sebagai agensi utama Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membangunkan kawasan perindustrian, kemudahan perumahan, pusat bandar serta untuk perjiranan di samping menentukan perkembangan kawasan tersebut selaras dengan matlamat menyusun semula masyarakat. Perbadanan ini di dalam menjalankan tanggungjawabnya telah pun dilantik sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang oleh Kerajaan Negeri berkuatkuasa daripada 1hb. Julai 1977.

Penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang ini adalah dipercayai berdasarkan kepada kejayaan Lembaga Bandaran Petaling Jaya yang telah ditadbirkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Perbadanan secara langsung bertanggungjawab melaksanakan perancangan, pengawalan, pembangunan serta meluluskan pelan-pelan bangunan dan menseimbangkan pembangunan, perlaksanaan dan kemudahan-kemudahan. Adalah jelas di sini, bahawa kuasa sebagai Pihak Berkuasa

<sup>22</sup> Seminar Ekonomi UMNO Bahagian Johor Bahru, Disember 1982, 'Perancangan Pembangunan Pasir Gudang dan Peluang-peluang Perniagaan yang Timbul dari Pembangunan tersebut', Keluaran PKENJ, 9hb. Disember, 1982.

Tempatan ini telah dapat memberi Perbadanan peluang untuk melaksanakan hasrat dan cita-cita Kerajaan dengan lebih berkesan lagi.

Jadual 3.1: Peringkat-Peringkat Dan Pembukaan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang

<u>Peringkat-Peringkat</u>	<u>Luas (hektar)</u>
<u>Peringkat I (1972 - 1975);</u>	
i) Kawasan Perusahaan Terbuka	700
ii) Zon Perdagangan Bebas	100
iii) Kawasan Perumahan	300
iv) Yunit Perjiranan	5
	<u>1,105</u>
<u>Peringkat II (1976 - 1980);</u>	
i) Kawasan Perusahaan Terbuka	800
ii) Zon Perdagangan Bebas	100
iii) Kawasan Perumahan	600
iv) Kawasan Bandar dan Yunit Perjiranan	100
	<u>1,600</u>
<u>Peringkat III (1981 - 1985);</u>	
i) Kawasan Perusahaan Terbuka	800
ii) Zon Perdagangan Bebas	100
iii) Kawasan Perumahan	700
iv) Kawasan Bandar dan Yunit Perjiranan	100
	<u>1,700</u>

Peringkat IV (1986 - 1990);

- i) Kawasan Perusahaan Terbuka
  - ii) Zon Perdagangan Bebas
  - iii) Kawasan Perumahan
  - iv) Kawasan Bandar dan Yunit Perjiranan
- Baki jumlah yang belum dimajukan akan dinyatakan dalam peringkat ini.

SUMBER: PKENJ

Pembangunan awal kompleks Pasir Gudang bermula dalam tahun 1970 di mana kerja-kerja mengukur kontor telah dijalankan. Kerja-kerja ini telah pun disiapkan dalam tahun berikutnya. Bermula dalam bulan September, 1973, kerja-kerja menyediakan tapak telah dilaksanakan dengan menggunakan jentera berat kepunyaan Perbadanan. Dalam membangunkan kawasan perindustrian ini pada peringkat awalnya, Perbadanan telah menempatkan lebih kurang 50 buah keluarga yang ada di tapak pembangunan ini ke satu kawasan di Pasir Putih di mana rumah-rumah yang khas dibina untuk mereka, telah disiapkan.

Bagi peringkat yang pertama iaitu yang dijalankan dalam tempoh tahun-tahun 1973 - 1975, mengandungi kawasan seluas 1,704 ekar. Daripada jumlah ini, kira-kira 324.5 ekar telah dapat dimajukan dalam tahun 1973. Kawasan Pasir Gudang (Bahagian Industri) adalah merupakan kawasan yang paling besar dimajukan iaitu kira-kira 67% daripada jumlah kawasan tersebut, diikuti oleh kawasan Perusahaan Tanjung Agas dan Tongkang Pecah.<sup>23</sup> Pada tahun itu juga, pihak perbadanan telah pun menerima beberapa permohonan daripada pengusaha-pengusaha

<sup>23</sup>

Di sepanjang tahun 1973, Perbadanan telah membelanjakan wang sebanyak \$5,192,781.17 bagi memajukan ketiga-tiga kawasan tersebut.

tempatan dan luar negeri bagi mendirikan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan perindustrian Pasir Gudang.

Seterusnya, Perbadanan telah membina sebuah pejabat Tapak bina di Pasir Gudang untuk meneruskan kerja-kerja kejuruteraan dalam pembangunan kawasan perindustrian tersebut. Usaha-usaha untuk memajukan kawasan-kawasan yang berikutnya dijalankan setelah kira-kira 75% daripada tanah-tanah yang dimajukan pada peringkat pertama itu dapat dijualkan.

Sehingga akhir Disember 1975, kawasan perusahaan am seluas 673 ekar dan kawasan perdagangan bebas seluas 20 ekar telah dimajukan dengan perbelanjaan sebanyak \$15.7 juta. Di sepanjang tempoh peringkat pertama (1973-1975) pembangunan kawasan-kawasan perindustrian Pasir Gudang, sebanyak 50 permohonan oleh pengusaha-pengusaha tempatan dan luar negeri telah diterima. 2 buah kilang telah pun memulakan pengeluarannya pada akhir tahun 1975. Kilang/Syarikat yang ulung itu ialah kilang penapis Minyak Kelapa Sawit dan Syarikat limbungan kapal - MSE (Malaysia Shipyard & Engineering Sdn. Bhd.).

Menjelang akhir tahun 1976, seluas 1080 ekar kawasan perindustrian telah dimajukan dengan jumlah kos perbelanjaan sebanyak \$13,956,674. Pada tahun yang sama, Perbadanan telah menerima 54 permohonan untuk mendirikan kilang yang mana 33 daripadanya telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Enam buah kilang telah memulakan pengeluarannya di kawasan tersebut. Pada akhir tahun 1977 pula, sebanyak 20 buah kilang telah beroperasi. Kerja-kerja pembangunan di dalam tahun ini telah ditumpukan kepada projek-projek kemudahan infrastruktur di dalam kawasan perindustrian seperti membuat perparitan, jalan-jalan dan sebagainya. Kos perbelanjaan telah

meningkat kepada \$17,142,496 pada akhir tahun tersebut. Walaupun begitu, penjualan di estet perindustrian berkenaan telah menghasilkan pendapatan \$4,431,861 pada tahun yang sama.

Setakat tahun 1977, permintaan ke atas tanah-tanah perindustrian yang dibuka oleh Perbadanan masih belum memuaskan. Ini sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh keadaan kemelesetan ekonomi dunia dan tekanan inflasi yang masih belum pulih lagi. Walaupun bagaimana, pada tahun berikutnya, keadaan ekonomi sudah beransur pulih dan berbagai-bagai projek-projek dapat dilaksanakan oleh Perbadanan ini.

Sehingga akhir tahun 1978, sebanyak 88 permohonan untuk mendirikan kilang sudah diterima dan 41 daripadanya telah diluluskan oleh Kementerian berkenaan. Perbelanjaan pembangunan kawasan perindustrian tersebut sehingga akhir tahun itu adalah \$19,173,424 dengan pendapatan dari penjualan tanah sebanyak \$30,242.990. Sehingga akhir tahun 1978 juga, Perbadanan mempunyai 30 buah jentera berat, 18 buah lori dan sebuah landover serta kelengkapan woksyop yang mana kesemuanya bernilai \$6 juta. Kakitangan dan pegawai-pegawai yang bekerja sepenuh masa di Pasir Gudang ialah seramai 83 orang.

Seterusnya, pada akhir tahun 1929, 646.5 ekar kawasan perindustrian telah dijual kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan luar negeri. Setakat ini 48 buah kilang telah menjalankan perusahaan-nya. Kilang-kilang ini memberi peluang pekerjaan kepada 4,094 orang. Perbelanjaan telah meningkat kepada \$22.19 juta dengan pendapatan yang juga meningkat kepada \$37.64 juta.

Pada tahun berikutnya, seluas 1,277 ekar kawasan perindustrian telah dimajukan di mana 791.8 ekar daripadanya dapat dijual kepada

pengusaha. 7 lagi buah kilang telah memulakan operasinya, menambahkan jumlah kilang-kilang yang sudah beroperasi menjalankan perusahaan kepada 55 kilang.

Kemelesetan ekonomi dunia dan negara di dalam tahun 1982, sedikit sebanyak telah melibatkan kemerosotan dalam jumlah pelaburan baru di kawasan-kawasan perindustrian. Bagaimanapun, Perbadanan telah mengambil peluang di masa kemelesetan ekonomi ini meneruskan kerja-kerja infrastruktur dan membuka kawasan-kawasan perindustrian, terutama sekali di kawasan perindustrian Pasir Gudang. Ini adalah supaya apabila keadaan ekonomi dan pelaburan beransur pulih serta permintaan terhadap tapak kilang kawasan perindustrian mula meningkat, Perbadanan akan dapat menampung pertambahan dan permintaan daripada pelaburan tanpa sebarang masalah. Bertambahnya pelaburan tumpahan (spill-over) terutamanya dari Singapura dijangkakan akan bertambah pada tahun-tahun hadapan.

Kerja-kerja pembangunan kawasan perindustrian, perumahan dan lain-lain kemudahan awam seterusnya telah dilaksanakan di Pasir Gudang. Sehingga akhir tahun 1982, Perbadanan telah berjaya memajukan 608 hektar (atau 65.5 peratus dari jumlah) kawasan perindustrian di mana 357.12 hektar telah pun dijual. Sehingga akhir tahun 1982, 82 buah kilang telah pun memulakan operasinya. Sebanyak 6 buah kilang sedang dalam pembinaan sementara 34 buah lagi masih menunggu kelulusan untuk memulakan pembinaan. Kesemua kilang-kilang ini secara langsung telah dapat memberi peluang pekerjaan kepada seramai 7,974 orang penduduk.

Berakhirnya tahun 1982 menandakan 10 tahun pembangunan yang pesat dan usaha-usaha gigih perbadanan dalam membangunkan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang yang dimulakan pada tahun 1972. Kejayaan-

kejayaan yang dapat dihasilkan dari pembangunan kawasan perindustrian berkenaan adalah amat menggalakkan.<sup>24</sup>

### 3.2.2 Projek-Projek Perumahan di Pasir Gudang

Perbadanan juga sedar peri pentingnya disediakan kemudahan perumahan dan kemudahan-kemudahan asas untuk menarik penduduk-penduduk yang diperlukan sebagai tenaga pekerja di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, lebih-lebih lagi di peringkat awal di mana kawasan tersebut adalah dianggap terpencil dan jauh dari pusat-pusat bandar. Projek perumahan yang pertama yang dilaksanakan oleh Perbadanan telah berjaya menempatkan sejumlah 376 bilangan keluarga di kawasan tersebut dalam tahun 1976. Projek perumahan yang pertama ini adalah projek mendirikan rumah-tumah teres dari jenis kayu yang kemudiannya disewakan kepada pekerja-pekerja di kawasan Perindustrian.

Kemudahan perumahan di Pasir Gudang merupakan satu objektif penting yang sentiasa diberi keutamaan tinggi oleh Perbadanan dalam pembangunan bandar Pasir Gudang. Perbadanan telah, sedang dan akan terus membina lebih banyak lagi rumah-rumah terutama sekali jenis rumah-rumah berkos rendah dan murah bagi penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah. Sehingga akhir bulan September, 1982, Perbadanan telah pun menyiapkan 1,240 unit rumah kediaman dan 42 unit rumah kedai. Kedudukan jumlah keseluruhan unit rumah dan kedai yang telah dibina di Pasir Gudang (termasuk oleh syarikat-syarikat dan agensi-agensi Kerajaan yang lain) adalah seperti di dalam Lampiran 6. Sehingga tahun 1986, Perbadanan dijangka akan membina sebanyak 8,000 unit

<sup>24</sup> Sumber; Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor. Laporan Tahunan (1975, 1976, 1977, 1978, 1979, 1980, 1982), Keluaran PKENJ.

rumah lagi di kawasan ini. Projek perumahan seperti ini penting kerana ia memastikan kebanyakan pekerja di kawasan perindustrian itu tinggal berdekatan dengan tempat kerja.

University Of Malaya

## BAB IV

### KESAN-KESAN SOSIO-EKONOMI DARI INDUSTRIALISASI

#### 4.1 Pengenalan

Pasir Gudang mula dimajukan sebagai kawasan perindustrian sejak bulan Mac 1972. Ini telah mendatangkan banyak perubahan kepada kawasan Pasir Gudang. Perubahan-perubahan yang demikian telah mempengaruhi setiap aspek kehidupan komuniti di sekitar kawasan tersebut, sama ada secara langsung atau tidak.

Proses perindustrian yang diikuti oleh proses perbandaran ke arah pembinaan sebuah bandar baru bersebelahan dengan kawasan perindustrian tersebut telah membawa bersama perubahan-perubahan dan pembangunan yang begitu pesat sekali yang tidak pernah dialami di Pasir Gudang. Perubahan-perubahan tersebut juga telah menggerakkan proses modenisasi dalam masyarakat tersebut sehingga ujudnya pelbagai kesan, baik yang positif maupun yang negatif.

Dalam kajian ini, aspek yang menjadi tumpuan ialah kesan-kesan sosio-ekonomi yang tercetus dari proses perindustrian di Pasir Gudang, terutama sekali dari perspektif pekerja-pekerja kilang dan penduduk-penduduk sekitarnya. Semakin lama ujudnya proses perindustrian, semakin kompleks dan banyak kesan-kesan didapati. Oleh kerana proses perindustrian dan urbanisasi sebagaimana yang dilalui di kawasan Pasir Gudang masih pada peringkat awal, kesan-kesan sosio-ekonomi yang dapat dikaji juga adalah kesan-kesan peringkat awal.

#### 4.2 Pembangunan Pasir Gudang dan Kawasan Sekitarnya Secara Umum

Pembukaan kawasan perindustrian di Pasir Gudang merupakan

suatu peristiwa yang penting dan istimewa yang menandakan bermulanya proses perindustrian dan perbandaran di kawasan tersebut. Permulaan proses perindustrian di Pasir Gudang merupakan titik peralihan sejarahnya. Satu daripada kesan langsung akibat proses perindustrian tersebut adalah pembangunan kawasan tersebut seluruhnya.

Sebelum sebarang pembangunan perindustrian di sini, Pasir Gudang merupakan kawasan pertanian, hutan dan paya. Di situ juga terletaknya sebuah kampung nelayan Melayu yang diberi nama Kampung Pasir Gudang. Pada masa itu, Kampung yang tenang, sunyi dan mundur itu mempunyai penduduk yang tidak melebihi 400 orang.<sup>25</sup> Kegiatan-kegiatan ekonomi yang utama adalah berdasarkan kepada pertanian dan perikanan secara kecil-kecilan. Akibat keputusan Kerajaan untuk membangunkan kawasan tersebut sebagai kawasan pelabuhan dan perindustrian, kebanyakan penduduk-penduduk kampung tersebut telah dipindahkan ke Kampung Pasir Putih, dekat Masai. Sejak dari itu pembangunan kawasan tersebut tidak terhenti-henti dijalankan dengan pesat sekali. Kawasan-kawasan sekitar Pasir Gudang menerima pengaruh langsung dari kepesatan pembangunan perindustrian di situ.

Kilang-kilang yang banyak dibuka telah menarik penduduk-penduduk asal kawasan-kawasan sekitar Pasir Gudang menukar kegiatan ekonomi mereka dari sektor pertanian kepada sektor perkilangan. Di samping itu, kilang-kilang juga menjadi faktor penarik kepada penghijrah-penghijrah yang ramai dengan penawaran peluang-peluang pekerja yang banyak.

---

<sup>25</sup> Sumber data didapati dari temuduga dengan Penghulu Mukim Plentong dan Pegawai Kilang.

Demikian, penduduk-penduduknya semakin bertambah ramai menyebabkan perlunya perhatian yang lebih diberikan kepada kawasan-kawasan berkenaan untuk pembangunan oleh pihak-pihak tertentu. Tegasnya, pertumbuhan penduduk yang pesat serta adanya kepentingan-kepentingan perindustrian dan pelabuhan di Pasir Gudang telah menyebabkan pembangunan kawasan-kawasan sekitar Pasir Gudang itu perlu dan mesti dilakukan oleh pihak-pihak perancang. Sebagaimana yang dikatakan oleh Alan B. Mountjoy bahawa,

"The agglomeration of the people makes it easier and cheaper to provide social, educational, police, sanitary and health facilities, as well as to install such services as piped water, main drainage, gas and electricity ...."<sup>26</sup>

Tambahan pula, dengan adanya kepentingan-kepentingan perindustrian dan pelabuhan di Pasir Gudang, Kerajaan Negeri Johor telah didorong untuk membangunkan kawasan-kawasan di sekitar koridor antara Pasir Gudang dan Johor Bahru. Ini bermakna kawasan-kawasan di sepanjang kawasan daripada Johor Bahru hingga ke Pasir Gudang akan dibangunkan dengan projek-projek perumahan, kemudahan-kemudahan asasi seperti jalanraya, bekalan listrik, air dan sebagainya.

Dengan nilai kepentingan-kepentingan ekonomi yang tinggi, pembangunan sosio-ekonomi telah dirancangkan dilaksanakan di kawasan tersebut. Oleh kerana ini, penduduk-penduduk sekitar Pasir Gudang telah dapat menikmati pembangunan yang pesat dengan kemudahan-kemudahan yang pelbagai jenis disediakan. Pendekata, penyediaan kemudahan-

---

<sup>26</sup> Mountjoy, Alan B.; Industrialization and under-developed countries Hutchinson & Co. (Publishers) Ltd., 1966, London. (Ms. 74).

kemudahan tersebut dikaitkan dengan pembangunan-pembangunan yang dirancangkan dan dijalankan. Perubahan-perubahan sosio-ekonomi di kawasan tersebut semata-mata adalah yang dirancangkan.

Selain daripada bekalan air dan letrik, penduduk-penduduk sekitarnya juga dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas awam yang lain seperti sistem pengangkutan dan perhubungan, sistem pengairan, perparitan dan pembersihan yang lebih baik dan teratur. Kemudahan-kemudahan telefon dan telex juga disediakan untuk memenuhi permintaan yang telah bertambah. Begitu juga, pelbagai jenis perkhidmatan sosial seperti perkhidmatan pos, polis, kesihatan, pelajaran dan sebagainya telah ditambah bagi memenuhi permintaan di kawasan tersebut.

Dengan segala kepentingan ekonomi di Pasir Gudang, pendapatan per kapita yang memuaskan telah diujudkan di kawasan-kawasan sekitar dengan Pasir Gudang. (Sila rujuk kepada Jadual 4.7). Ini seterusnya telah membayangkan taraf hidup yang agak tinggi di kawasan-kawasan tersebut. Tegasnya, pembangunan fizikal sebagaimana yang dilaksanakan di Pasir Gudang telah membawa kepada pembangunan sosio-ekonomi penduduk-penduduk di sekitar Pasir Gudang.

Pendeknya di sini, satu daripada kesan langsung dari proses perindustrian ialah pertumbuhan penduduk yang pesat, terutama sekali berpunca dari penghijrahan yang telah memungkinkan penyediaan kemudahan-kemudahan asas awam yang lebih intensif dan baik. Pembukaan serta pembangunan perindustrian di Pasir Gudang telah mempercepatkan proses modernisasi dan pembangunan sosio-ekonomi di kawasan-kawasan sekitar dengan Pasir Gudang.

Menurut Encik Rahman, seorang Pegawai Mech Mar,<sup>27</sup> pembangunan dan modernisasi yang begitu pesat dijalankan di Pasir Gudang dan kawasan sekitarnya adalah semata-mata disebabkan oleh proses perindustrian yang ada di situ. Perindustrian mengakibatkan ramai penduduk sekitarnya menukar pekerjaan tradisional mereka, terutama sekali golongan muda, ke sektor perkilangan kerana pendapatan yang diperolehi adalah lebih tinggi. Menurut beliau lagi, perkembangan idea-idea baru dan proses modernisasi yang sedang menular masuk ke kawasan tersebut berlaku dengan suatu kadar yang cekap sekali. Ini telah membawa kepada pembangunan keadaan sosio-ekonomi penduduk-penduduk sekitarnya dan seterusnya peningkatan taraf hidup di kawasan tersebut. Hujah beliau lagi, kalau proses perindustrian tidak ujud di kawasan tersebut, kampung Pasir Gudang akan tetap menjadi Kampung Pasir Gudang dengan perubahan-perubahan yang sedikit dan perlahan. Ia akan tetap menjadi mundur dan keadaan kemiskinan akan terus ujud kerana nelayan-nelayan dan petani-petani tidak akan mempunyai pengetahuan yang luas untuk membaiki kehidupan mereka.

Menurut Haji Sulaiman b. Haji Omar, penghulu Mukim Plentong, kesan-kesan yang nyata dari proses perindustrian yang dijalankan di Pasir Gudang ialah bertambahnya peluang-peluang pekerjaan khususnya di sektor perkilangan yang telah menyebabkan pertambahan penduduk.

Mech Mar adalah salah sebuah antara dua kilang di kawasan perindustrian Pasir Gudang yang dipilih oleh pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai pekerja-pekerja kilang. Seramai 20 pekerja kilang (responden) dipilih dari Mech Mar dan 30 responden dipilih dari kilang Perstima (Perusahaan Sadur Timah Malaysia Sdn. Bhd.). Encik Rahman, Pegawai Mech Mar juga ditemuduga mengenai kajian penulis.

Pembangunan pesat yang dibawa oleh proses perindustrian juga mengakibatkan perkembangan sektor perniagaan dan perkedaiian di kawasan-kawasan sekitar Pasir Gudang. Menurut beliau penglibatan Bumiputera dalam sektor tersebut juga telah bertambah. Menurut beliau lagi, oleh kerana pembangunan alam dan pertambahan kegiatan jenayah itu juga tidak dapat dielakkan, terutama sekali dengan pertambahan penduduk yang pesat.

#### 4.3 Pertumbuhan Penduduk

Pertumbuhan penduduk yang pesat di kawasan-kawasan sekitar Pasir Gudang juga merupakan salah satu kesan langsung yang nyata dari proses perindustrian dengan penawaran peluang-peluang pekerjaan di kilang-kilang telah menarik ramai penghijrah-penghijrah ke kawasan ini. Di antara tahun 1970 dan tahun 1980, kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi telah dicatatkan di mana dalam dekad tersebut, Mukim Plentong mengalami kadar pertumbuhan purata sebanyak 4.4% setahun, sementara Pasir Gudang pula mengalami kadar pertumbuhan purata sebanyak 11.1%. Kadar yang tinggi yang dialami di Bandar Baru Pasir Gudang adalah terutama sekali berpunca dari penghijrahan pekerja-pekerja kilang yang ramai ke kawasan tersebut. Jadual 4.1 menunjukkan agihan penduduk dan kadar pertumbuhan di dalam kawasan kajian dan kawasan lain dalam tahun 1970 dan 1980.

Jadual 4.1: Kadar Pertumbuhan Penduduk Di Kawasan Kajian, Daerah Johor Bahru dan Negeri Johor, 1970 - 1980

Kawasan	1970	1980	Kadar pertumbuhan (% setahun)
MPJB	138,600	247,700	5.9
Mukim Plentong	19,300	29,700	4.4
Pasir Gudang	2,800	8,000	11.1
Metropolitan	243,500	378,800	4.5
Daerah Johor Bahru	274,400	415,200	4.2
Negeri Johor	1,282,200	1,599,200	2.2

Sumber: Jabatan Perangkaan, Banci Penduduk dan Perumahan 1970 - 1980.

Jadual 4.2: Pembahagian Kumpulan Umur Mengikut Kawasan-Kawasan Pecahan

Kategori Kumpulan Umur	MPJB		Mukim Plentong		Pasir Gudang	
	1970	1980	1970	1980	1980	
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	
0 - 14	39.7	37.1	44.6	39.3	40.2	
15 - 64	58.1	60.4	52.2	58.6	59.2	
65+	2.2	2.5	3.2	2.1	0.6	

Sumber: UPS - SES, 1982  
Jabatan Perangkaan 1982.

Kategori Kumpulan Umur

- 0 - 14 - Penduduk di bawah umur bekerja (economically inactive)
- 15 - 64 - Penduduk di dalam kumpulan bekerja (economically active)
- 65+ - Penduduk di dalam kumpulan bersara (economically inactive)

Jadual 4.3: Struktur Umur Mengikut Peratus

Kumpulan Umur	MPJB		Mukim Plentong		Pasir Gudang	
	1970	1980	1970	1980	1980	1980
0 - 4	13.6	12.6	14.4	19.8	17.2	
5 - 9	13.4	12.8	15.4	13.4	15.1	
10 - 14	12.7	11.7	14.8	11.1	7.9	
15 - 19	13.1	9.5	12.5	10.4	6.1	
20 - 24	12.5	10.6	8.7	11.2	15.2	
25 - 29	7.7	9.5	6.1	10.5	19.2	
30 - 34	6.6	8.9	5.9	8.1	10.1	
35 - 39	4.9	6.0	4.7	4.7	4.9	
40 - 44	4.0	5.2	4.0	4.2	2.1	
45 - 49	3.0	3.6	3.0	3.2	0.7	
50 - 54	2.5	3.2	2.7	2.7	0.5	
55 - 59	2.1	2.1	2.5	2.2	0.1	
60 - 64	1.7	1.7	2.1	1.3	0.3	
65 - 69	1.1	1.1	1.5	0.9	0.1	
70 - 74	0.6	0.8	0.9	0.8	0.4	
75+	0.5	0.7	0.8	0.5	0.1	

Sumber: UPS - SES, 1982  
Jabatan Perangkaan, Banci 1970.

Pembukaan kawasan-kawasan perindustrian dan proses perindustrian juga telah mempercepatkan proses modernisasi dan perubahan sosio-ekonomi yang pesat di kawasan kajian dan ini mempengaruhi struktur umur penduduk dalam masyarakat. Struktur umur penduduk sepetimana yang dijadui di Pasir Gudang boleh dikatakan sebagai hasil daripada proses

perindustrian dan pembangunan yang pesat. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Unit Pelan Struktur, MPJB pada tahun 1980, penduduk di Pasir Gudang yang dikategorikan dalam kumpulan bekerja (economically active) merangkumi 59.2% daripada jumlah penduduk di Pasir Gudang berbanding dengan 58.6% di Mukim Plentong dan 60.4% di MPJB (Jadual 4.2). Pada tahun yang sama, kumpulan penduduk di bawah umur bekerja pula meliputi 402.% di Pasir Gudang, 39.3% di Mukim Plentong dan 37.1% di MPJB. Diperhatikan dijadual 4.2 bahawa dua kawasan, iaitu MPJB dan Mukim Plentong menunjukkan peratus yang berkurangan bagi penduduk yang berumur kurang dari 15 tahun. Ini mungkin disebabkan oleh kadar kelahiran yang rendah yang dialami sejak 1970'an akibat dari perubahan sosio-ekonomi yang pesat di kawasan tersebut. Walau-pun begitu, perkara yang menarik di sini ialah bahawa peratusan golongan penduduk yang tua di Pasir Gudang amat kecil jika dibandingkan dengan Mukim Plentong dan MPJB sepetimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Golongan penduduk yang berumur 40 tahun ke atas hanya meliputi 4.3% daripada jumlah penduduk di Pasir Gudang. Penduduknya yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun terdiri daripada 55.5% dan golongan penduduk ini merupakan golongan yang terbesar di Pasir Gudang. Ini juga bermakna kumpulan penduduk di bawah umur 40 tahun meliputi 95.7% dari jumlah penduduk di Pasir Gudang. Ini memberi gambaran kepada kita bahawa kebanyakan penduduk di Pasir Gudang terdiri pemuda dan pemudi yang telah berhijrah ke kawasan tersebut sejak proses perindustrian bermula di mana menawarkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak di sektor perkilangan. Golongan yang muda ini lah yang mudah dipengaruhi oleh proses modenisasi dan tertakluk kepada perubahan-perubahan sosio-ekonomi yang dibawa oleh unsur modenisasi itu.

Jadual 4.4: Saiz Purata Isirumah Mengikut Bangsa, 1980

Bangsa	MPJB	Mukim Plentong	Pasir Gudang
Melayu	5.5	5.2	4.0
Cina	5.1	5.2	2.4
India	5.7	5.1	5.1
Lain-lain	4.9	5.2	4.0
Purata	5.3	5.2	4.0

Sumber: UPS - SES, 1982.

Jadual 4.4 menunjukkan saiz purata isirumah mengikut bangsa di ketiga-tiga kawasan, MPJB, Mukim Plentong dan Pasir Gudang. Dipерhatikan di jadual tersebut, keluarga inti (nuclear family) merupakan bentuk isirumah yang dominan di mana saiz purata isirumah di ketiga-tiga kawasan ialah 5.6. Dengan proses perindustrian, perbandaran serta pembangunan yang pesat dijalankan di kawasan kajian, secara umumnya, taraf hidup (standards of living) semakin meningkat. Dengan taraf hidup yang semakin meningkat keluarga bertambah kecil dan bentuk yang dominan ialah keluarga inti, seperti mana yang dikatakan oleh Alan B. Mountjoy bahawa,

"..... Parents come to realise that the smaller the family the greater the opportunities they can offer to their children and the easier their own passage up the social ladder ..."<sup>28</sup>

<sup>28</sup> Mountjoy, Alan B., op.cit., (Hal. 75) yang ada mengatakan bahawa, hasil dari perindustrian, saiz keluarga, umumnya cenderung menjadi lebih kecil.

#### 4.4 Penghijrahan

Di dalam kajian yang dijalankan oleh penulis, didapati bahawa penghijrahan merupakan suatu elemen yang sangat penting dalam mempengaruhi saiz serta struktur penduduk di kawasan kajian. Penghijrahan masuk ke kawasan kajian merupakan sumbangan yang penting kepada perkembangan fizikalnya. Ia adalah faktor yang paling penting berhubung dengan pertumbuhan penduduk kerana didapati kadar penghijrahan masuk berlipat ganda dari kadar pertumbuhan yang biasa. Di antara tahun 1970 -1980, jumlah penghijrahan ke kawasan Mukim Plentong dianggarkan seramai 6,100 dan di Pasir Gudang pula, bilangannya ialah seramai 4,600. Dari segi peratusan, golongan penghijrahan meliputi 22% dari jumlah penduduk di Mukim Plentong dan 57.5% di Pasir Gudang pada tahun 1980. Penghijrahan masuk pada amnya berkaitan dengan perubahan sosio-ekonomi di satu-satu kawasan yang mengalami arus pembangunan ekonomi dan permodenan yang pesat. Lebih-lebih lagi Pasir Gudang sedang mengalami proses perindustrian dan proses pembinaan bandar baru Pasir Gudang yang dijalankan serentak dengan pesatnya, sejak tahun 1970'an lagi. Jadual 4.5 menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk dan sumbangan penghijrahan kepada kadar tersebut.

Jadual 4.5: Kadar Pertumbuhan Penduduk

Kawasan	Kadar Pertumbuhan Penduduk	
	Kenaikan Semula jadi	Penghijrahan
MPJB	2.0	4.0
Mukim Plentong	2.0	2.4
Pasir Gudang	2.0	9.1

Sumber: UPS - SES, 1982.

Kebanyakan penghijrah Bumiputra adalah penghijrah baru, iaitu mereka yang telah menetap di kawasan kajian dalam lingkungan 5 tahun ke bawah. Di kalangan kaum Cina pula, bilangan penghijrahnya adalah rendah kerana pada tradisinya kebanyakan daripada mereka, secara umumnya menetap di bandar-bandar. Di kalangan golongan India pula, kurang berlaku penghijrahan. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Unit pelan Struktur, didapati bahawa "kaum Bumiputera merupakan masyarakat yang tidak stabil secara praktiknya disebabkan oleh ketidakstabilan tempat kediaman, pekerjaan-pekerjaan yang sementara dan pergantungan ke atas kemudahan-kemudahan sosial, pelajaran dan kesihatan". Jadual 4.6 menunjukkan agihan penghijrah-penghijrah di dalam kawasan kajian mengikut kaum dan jantina.

Jadual 4.6: Penghijrahan Di Kawasan Kajian Mengikut Kumpulan Bangsa dan Umur (Peratusan)

Bangsa	Lelaki	Perempuan	Jumlah Peratusan
Bumiputra	32.9	29.7	62.6
Cina	16.3	14.4	30.7
India	3.0	3.0	6.0
Lain-lain	0.1	0.2	0.3

Sumber: UPS - SES 1982

Jadual 4.7: Pembahagian Umur Penghijrahan Mengikut Kawasan (Peratusan)

Kumpulan Umur	MPJB	Mukim Plentong	Pasir Gudang
0 - 14	38.0	42.1	38.7
15 - 64	59.8	56.4	61.0
65+	2.2	1.6	0.3

Sumber: UPS - SES 1982.

Jadual 4.8: Sebab Penghijrahan Mengikut Peratusan

Alasan	MPJB	Mukim Plentong	Pasir Gudang
Mencari pekerjaan	18.4	22.7	24.7
Tawaran pekerjaan	6.9	5.0	38.2
Pertukaran kerja	13.4	12.3	16.5
Pelajaran	0.9	0.61	-
Latihan Vokasional	0.1	-	0.6
Beserta Keluarga	18.5	14.7	4.7
Lain-lain	41.8	44.7	15.3

Sumber: UPS - SES, 1982.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Unit Pelan struktur (Jadual 4.8), kebanyakan alasan-alasan yang diberikan oleh penghijrahan-penghijrahan untuk berhijrah ke kawasan Pasir Gudang adalah berhubung dengan pekerjaan, iaitu 74.4% daripada mereka memberi alasan mereka sebagai sama ada mencari pekerjaan, tawaran pekerjaan atau pertukaran kerja. Ini adalah kesan langsung dari proses per-industrian di situ dengan penawaran peluang-peluang pekerjaan yang banyak di sektor perkilangan. Ini nyata di kalangan golongan muda yang mempunyai mobiliti yang tinggi untuk berhijrah ke kawasan tersebut kerana penawaran peluang-peluang pekerjaan di sektor perkilangan. Jadual 4.7 menunjukkan 61% daripada penghijrah-penghijrah ke Pasir Gudang adalah dalam kumpulan umur bekerja iaitu antara 15 tahun hingga 64 tahun. Peratusan yang tinggi iaitu 38.7% di kalangan penghijrah di dalam kumpulan umur antara 0-14 tahun menunjukkan mereka berpindah bersama-sama keluarga.

Kesimpulannya di sini, bahawa kesan dalam bentuk penghijrahan

merupakan satu ciri yang universal dari proses perindustrian yang mana berkait-rapat dengan peluang-peluang serta aktiviti-aktiviti ekonomi yang ujud di satu-satu kawasan. Penyediaan peluang-peluang pekerjaan serta aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan Perindustrian Pasir Gudang telah membawa kepada penghijrahan tenaga kerja ke sektor tersebut.

#### 4.5 Pekerjaan Di Sektor Perkilangan

Peluang-peluang pekerjaan yang disediakan di kawasan Perindustrian Pasir Gudang telah menarik ramai penduduk-penduduk di sekitarnya untuk bekerja di kilang-kilang tersebut. Pada akhir tahun 1982, seramai kira-kira 2,000 orang telah terlibat dalam pekerjaan-pekerjaan di sektor perkilangan tersebut. Kebanyakan pekerja-pekerja kilang yang bekerja di kawasan perindustrian tersebut terdiri daripada belia-belia yang umurnya tidak melebihi 30 tahun. Berdasarkan kepada soal-selidik yang dijalankan oleh penulis di dua buah kilang, didapati bahawa 41 daripada 50 responden adalah dibawah 30 tahun umurnya, sepetimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah;

Jadual 4.9: Struktur Umur Responden

Tingkat Umur	Responden	Peratus
20	3	6
20 - 22	14	28
23 - 25	16	32
26 - 28	7	14
29 - 31	5	10
32 - 34	3	6
35 - 37	2	4
	50	100

Menurut Encik Rahman, Pegawai Kilang, kebanyakan pekerja-pekerja kilang di situ datang sebagai pekerja-pekerja baru iaitu mereka tidak mempunyai sebarang pengalaman atau pun kemahiran dalam pekerjaan di sektor perkilangan. Kebanyakannya terdiri dari belia-belia dari kawasan-kawasan berdekatan dengan Pasir Gudang, yang sebaik sahaja menamatkan pelajaran mereka di sekolah, mula bekerja di kilang-kilang tersebut. Dalam pada itu, pekerjaan di sektor perkilangan ini, di samping menawarkan pendapatan yang lebih tinggi, juga memberikan kemahiran-kemahiran tertentu dalam pekerjaan berkenaan.

#### 4.5.1 Tempat Asal Pekerja-Pekerja Kilang

Jadual 4.10: Tempat asal Pekerja-Pekerja Kilang Di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang

<u>Tempat asal</u>	<u>Bilangan</u>	
Pasir Gudang	4	
Masai	5	
Plentong	6	
Johor Bahru	7	
Ulu Tiram	3	
Kulai	2	
Muar	4	
Batu Pahat	4	
Segamat	3	
Pontian	3	
Kota Tinggi	1	
Kelantan	3	
Trengganu	1	
Melaka	1	
Selangor	1	
Pulau Pinang	1	
Perak	1	
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	

Sumber: Soalselidik Penulis.

Kajian penulis mengenai tempat asal pekerja-pekerja kilang di kawasan perindustrian Pasir Gudang (Jadual 4.10) menunjukkan bahawa 54% daripada pekerja-pekerja kilang (responden) adalah berasal dari Daerah Johor Bahru berbanding dengan 30% daripadanya yang berasal dari daerah-daerah lain di Negeri Johor dan 16% daripadanya yang berasal dari negeri-negeri lain.

Di samping itu, ia juga menunjukkan bahawa penghijrahan antara daerah dan antara kawasan kelihatan menjadi corak pergerakkan pekerja-pekerja kilang yang lebih dominan jika dibandingkan dengan penghijrahan antara negeri. Harus dinyatakan di sini bahawa kebanyakan pekerja-pekerja kilang dari kawasan-kawasan yang lebih dekat kepada Pasir Gudang di Daerah Johor Bahru seperti Masai, Plentong dan Johor Bahru sebenarnya tidak berhijrah ke Pasir Gudang. Mereka ini berulang alik setiap hari dari tempat kediaman mereka (tempat asal) ke tempat kerja mereka di Pasir Gudang.

Pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di Pasir Gudang telah dapat menarik perhatian penduduk-penduduk sekitar-nya untuk mengambil peluang-peluang pekerjaan di kilang-kilang di kawasan tersebut. Ini sudah tentu mengakibatkan pengurangan tenaga kerja di sektor pertanian terutama sekali di tempat-tempat di mana pekerja-pekerja kilang itu berasal. Pekerjaan di sektor perindustrian telah mula mendapat perhatian dari masyarakat sebagai sumber rezeki yang lebih menjamin dari segi pendapatan dan pekerjaan serta peluang-peluang kenaikan kerja. Pekerjaan di sektor pertanian dipandang sebagai tidak stabil, serik, susah, pendapatan yang rendah dan sebagainya. Ini nyata di kalangan belia-belia yang lebih suka bekerja di sektor perindustrian. Trend seperti ini adalah ancaman

Selain daripada kemudahan perumahan yang percuma, kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh Syarikat Perstima ialah perkhidmatan bas kilang, pinjaman-pinjaman kereta dan motosikal, elaun kepada pekerja-pekerja yang sudah berkahwin, bonus pendapatan dan sebagainya. Sementara di syarikat Mech Mar pula, kemudahan-kemudahan lain adalah termasuk insentif bonus, perkhidmatan kesihatan yang percuma kepada pekerja-pekerja kilang (tidak kira sama ada kecederaan dalam kilang atau di luar kilang), kelab sukan, Kesatuan Sekerja dan persatuan kooperatif. Persatuan kooperatif ialah di mana pihak majikan Mech Mar membeli barang-barang keperluan daripada kilang-kilang berdekatan di kawasan Pasir Gudang dengan murah dan kemudian dijual pula kepada pekerja-pekerjanya dengan harga yang lebih murah daripada yang dijual di kedai-kedai.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kedua-dua syarikat perkilangan sudah tentu mendatangkan faedah kepada pekerja-pekerjanya di samping membaiki serta meningkatkan lagi keadaan sosio-ekonomi mereka.

#### 4.5.3 Sistem Pekerjaan Di Sektor Perkilangan

Moore, antara beberapa sarjana lain, ada membincangkan bahawa proses perindustrian dengan sistem pekerjaan di sektor perkilangan boleh mendatangkan kesan terhadap aktiviti-aktiviti serta corak kehidupan sosial pekerja-pekerjanya.<sup>29</sup> Sistem pekerjaan di kilang adalah berdasarkan kepada disiplin dan peraturan yang ujud di

---

<sup>29</sup> Moore, Wilbert,E., The Impact of Industry, Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, N.J., 1965 (Ms. 49-62).

kilang-kilang tersebut yang mana pekerja-pekerja itu menjadi subjek struktur kewibawaan di kilang. Setiap pekerja terpaksa menyesuaikan diri kepada sistem pekerjaannya di kilang yang mana mempunyai ciri-ciri yang 'specific' di mana tugas-tugas yang kursus diberikan kepada setiap pekerja. Di samping itu ia juga adalah bersifat impersonal di mana pekerja-pekerja itu tertakluk kepada disiplin dan peraturan semasa bekerja di kilang. Satu daripada ciri biasa di kilang yang beroperasi 24 jam sehari ialah adanya giliran waktu bekerja yang berlainan di mana pekerja terpaksa menyesuaikan diri kepada giliran waktu bekerjanya.

Corak serta ciri dalam sistem pekerjaan di sektor perkilangan yang tersebut tadi, sudah tentu akan mempengaruhi corak kehidupan sosial pekerja-pekerjanya.

#### **4.5.4 Aspek Ekonomi Pekerja-Pekerja Kilang**

Mengenai aspek ekonomi pekerja-pekerja kilang, didapati bahawa perbelanjaan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja kilang adalah mengikut pendapatan yang diterima. Namun begitu, amat sukar untuk mendapatkan maklumat yang benar dari responden (pekerja-pekerja kilang) terutama sekali hal yang berkait dengan perbelanjaan, pendapatan serta simpanan di bank. Secara umumnya, boleh disimpulkan bahawa pendapatan pekerja kilang adalah cukup untuk penyaraan diri walaupun kebanyakan daripada pekerja-pekerja tersebut menyatakan mereka tidak puashati dengan gaji yang diterima. Namun, tiada seorang manusia di dunia ini yang akan berpuashati dengan apa yang dia ada. Jadual 4.11 menunjukkan pendapatan yang diterima oleh 50 responden yang dikaji.

Jadual 4.11: Pendapatan Pekerja-Pekerja Kilang (Responden)

Jumlah Pendapatan	Bilangan	Peratusan
M\$250 - M\$350	15	30
M\$350 - M\$450	16	32
M\$450 - M\$550	13	26
M\$550	6	12
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Perlu dinyatakan di sini bahawa struktur umur pekerja-pekerja kilang yang dikaji adalah pada umumnya muda iaitu kebanyakannya terdiri daripada mereka-mereka yang mula bekerja selepas sahaja tamat persekolahan mereka. Mereka ini tidak mempunyai apa-apa pengalaman atau kemahiran. Oleh itu, peringkat pendapatan mereka yang rendah adalah dijangkakan.

Purata perbelanjaan di kalangan responden, yang dicatatkan adalah di antara \$300 - \$350 sebulan. Ini disebabkan 36 daripada 50 responden itu adalah bujang iaitu mereka-mereka yang tidak mempunyai keluarganya sendiri dan dengan itu mempunyai nisbah tanggungan yang tidak begitu tinggi. Namun begitu 14 daripada responden mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai simpanan di Bank. Ini menggambarkan kedudukan kewangan yang tidak begitu baik di kalangan sebahagian daripada responden. Jadual 4.12 menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan dengan hakmilik harta responden.

Jadual 4.12: Hakmilik Harta Pekerja Kilang

Jenis Harta	Bilangan	Peratus
Motosikal	27	54
Mesin Jahit	11	22
Peti Sejuk	20	40
Kipas Angin Elektrik	26	52
Basikal	3	6
Radio	40	80
Televisyen	21	42
Kereta	2	4
Simpanan di bank	36	72

Sumber; Soalselidik penulis.

Walau bagaimanapun, secara umum, boleh dikatakan bahawa golongan pekerja kilang terutama sekali golongan penghijrah juga memperlihatkan unsur-unsur kemiskinan di kalangan mereka. Kedudukan mereka ini bukan sahaja dinilai dari pendapatan mereka yang agak rendah, tetapi yang lebih penting lagi keadaan dan taraf hidup mereka. Ini dapat dilihat dari sudut tempat kediaman mereka yang tidak tetap, keadaan dan suasana tempat tinggal mereka dan juga dari segi pemilikan harta benda.

#### 4.5.5 Aspek Pelajaran Pekerja Kilang

Pelajaran merupakan satu aspek yang amat penting dalam menentukan jenis pekerjaan bagi seseorang. Tingkat pelajaran yang dicapai oleh seseorang boleh membayangkan taraf serta corak hidupnya dalam masyarakat. Tingkat pelajaran yang tinggi boleh memberikan asas

yang kukuh bagi seseorang untuk meningkatkan kedudukannya dalam masyarakat. Walaupun begitu, di dalam kajian ini, didapati bahawa kebanyakan responden tidak mempunyai pelajaran sehingga Peringkat SPM/MCE, walaupun ini merupakan kelulusan bagi kebanyakan pekerjaan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dari Jadual 4.13.

Jadual 4.13: Tingkat Pelajaran Responden

Tingkat Pelajaran	Responden	Responden (%)
Tidak Bersekolah	-	-
Darjah 1 - 6	-	-
Lulus Sekolah Rendah	2	4
Tingkatan 1 - 3	2	4
Lulus SRP/LCE	11	22
Tingkatan 4 - 5	11	22
Lulus SPM/MCE	16	32
Lain-lain	8	16
Jumlah	50	100

Sumber: Soalselidik Pengkaji

Peringkat pelajaran yang rendah yang dicapai oleh penduduk-penduduk merupakan satu masalah sosial yang serius yang boleh membawa kepada masalah pengangguran dan kemiskinan. Jadi di sini, proses perindustrian dengan peluang-peluang pekerjaan yang banyak, telah mendatangkan kesan yang amat baik dalam mengurangkan masalah pengangguran dan kemiskinan. Ia bukan sahaja mengujudkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak tetapi juga berperanan dalam memberikan kemahiran-kemahiran tertentu kepada pekerja-pekerja terutama sekali mereka yang mempunyai

tingkat pelajaran yang rendah.

#### 4.6 Corak Kediaman

Peneduhan merupakan salah satu keperluan asasi dalam kehidupan manusia. Oleh itu, adalah penting untuk menentukan supaya projek-projek perumahan yang disediakan itu bersesuaian dengan keperluan pelbagai kumpulan pendapatan. Berdasarkan kajian soalselidik penulis, didapati bahawa kebanyakan daripada pekerja-pekerja kilang/responden adalah termasuk dalam golongan penyewa. Ini dapat dilihat dari jadual di bawah.

Jadual 4.14: Corak Kediaman Responden

Corak Kediaman	Bilangan	Peratus
Rumah sendiri	16	32
Menyewa	27	54
Rumah saudara	7	14
Jumlah	50	100

Note: Rumah sendiri adalah termasuk rumah yang dimiliki oleh ibu-bapa responden.

Sumber: Soalselidik penulis.

Jadual 4.15: Peratusan Hakmilik Perumahan

Kawasan	Didiami Oleh pemilik	Penyewa	Lain-lain
MPJB	59	38	3
Mukim Plentong	64	33	3
Pasir Gudang	3	92	5

Sumber: UPS, 1982.

Jadual 4.15 menjelaskan bahawa 92% daripada rumah-rumah kediaman di Pasir Gudang adalah didiami oleh penyewa kerana hampir keseluruhan rumah-rumah yang sedia ada di kawasan ini adalah dimiliki oleh pelbagai organisasi awam atau persendirian. Sebagaimana yang diketahui, proses perindustrian dan proses perbandaran di Pasir Gudang adakah dijalankan secara serentak. Oleh kerana ini, kebanyakan projek-projek perumahan ditumpukan kepada penyediaan rumah-rumah serta rumah-rumah pangsa untuk menampung permintaan semasa yang semakin meningkat dari penduduk-penduduk yang terlibat di sektor perusahaan di Pasir Gudang. Pada masa kini, kebanyakan penduduk yang tinggal di Pasir Gudang adalah pekerja kilang.

Pertumbuhan penduduk yang pesat terutama sekali disebabkan oleh penghijrahan pekerja-pekerja kilang di kawasan-kawasan sekitar dengan Pasir Gudang telah juga menambahkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan setinggan khususnya kawasan yang berdekatan dengan Pasir Gudang. Didapati bahawa ada di kalangan responden/pekerja kilang yang mendiami kawasan-kawasan setinggan, iaitu mereka tinggal bersama dengan saudara mara dan kawan-kawan di kawasan-kawasan tersebut.

4.7 Asas Ekonomi: Pendapatan/Agihan Pendapatan

Jadual 4.16: Purata Pendapatan Isirumah Mengikut Kaum, 1982

Kawasan	Melayu	Cina	India	Lain-lain
MPJB	437	1,256	1,077	1,732
Mukim Plentong	727	1,029	884	779
Pasir Gudang	929	1,058	952	650

Sumber: UPS, 1982.

Berdasarkan kepada pendapatan per kapita, didapati Pasir Gudang adalah tertinggi iaitu \$236 sebulan diikuti oleh \$197 di MPJB dan \$160 di Mukim Plentong. Pendapatan per kapita yang tinggi di Pasir Gudang besar kemungkinan disebabkan oleh saiz isirumah yang menjadi faktor penting dalam pengiraan pendapatan per kapita. (Jadual 4.17). Ini jelas di mana saiz isirumah di Pasir Gudang adalah lebih berdasarkan keluarga nuklear iaitu lebih kecil jika dibandingkan dengan MPJB dan Mukim Plentong.

Dari segi taburan pendapatan isirumah, lebih kurang 22% dari isirumah-isirumah di Pasir Gudang memperolehi pendapatan yang kurang dari \$500 berbanding dengan 32% di Mukim Plentong dan 28% di MPJB. Ini menggambarkan kedudukan kewangan yang baik dari segi pendapatan isirumah-isirumah di Pasir Gudang. Perlu dinyatakan bahawa Daerah Johor Bahru (termasuk Mukim Plentong dan Pasir Gudang) merekodkan kadar kemiskinan yang terendah (12.6%) di antara semua daerah-daerah di Negeri Johor tetapi menduduki kedudukan yang ketiga baiknya di seluruh negara sesudah Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Jadual 4 / 2 Agihan Pendapatan Isirumah Mengikut Kaum Di Dalam Kawasan Kajian 1982

Pendapatan Isirumah Bulanan	MPJB					Mukim Plentong					Pasir Gudang				
	Bumi	Cina	India	Lain-lain	Semua	Bumi	Cina	India	Lain-lain	Semua	Bumi	Cina	India	Lain-lain	Semua
100	3.6	4.4	5.0	5.3	3.9	1.0	1.4	1.0	0	1.1	0	0	3.9	-	0.6
100- 199	0.7	0.5	0	0	0.6	1.0	0	2.0	14.3	1.0	0	0	-	-	11.1
200- 299	4.2	0.6	4.3	0	3.0	6.2	3.9	11.1	28.6	6.4	2.2	0	0	-	1.7
300- 399	14.6	3.7	8.7	0	10.7	14.6	5.3	7.1	14.3	11.2	10.1	0	3.9	-	8.7
400- 499	10.9	7.0	6.2	5.3	9.3	13.9	11.5	9.1	14.3	12.7	12.2	0	7.7	-	11.0
500- 799	23.7	20.6	24.2	15.8	22.7	30.9	32.2	30.3	0	30.9	36.0	28.6	30.8	100.0	35.3
800- 999	8.2	9.6	8.1	10.5	8.6	12.9	7.7	13.1	0	11.5	12.2	14.3	19.2	-	13.3
1000-1499	17.0	23.2	21.1	10.5	19.2	15.0	18.3	14.1	0	15.6	15.1	0	19.2	-	5.8
1500-1999	8.5	13.0	10.6	10.5	10.1	3.1	9.1	3.0	14.3	4.7	4.3	14.3	11.5	-	4.1
2000-2499	3.5	7.0	3.7	10.5	4.7	0.6	4.8	4.0	14.3	2.2	2.9	28.6	3.9	-	4.1
2500+	5.2	10.4	8.1	31.6	7.2	0.8	5.8	5.1	0	2.6	5.0	14.3	0	-	4.6
Jumlah (n)	100 (1532)	100 (801)	100 (161)	100 (19)	100 (2513)	100 (488)	100 (208)	100 (99)	100 (7)	100 (804)	100 (139)	100 (7)	100 (26)	100 (1)	100 (173)
Pendapatan Purata Saiz Purata Isirumah	937	1256	1077	1723	1053	727	1029	884	779	824	919	1058	952	650	953
Pendapatan Purata/modal	5.5	5.1	5.7	4.9	5.3	5.2	5.2	5.1	2.9	5.2	4.0	2.4	5.1	4	4.0
Saiz Pekerjaan Purata	172	247	202	323	197	139	200	174	268	160	229	448	188	163	236
	1.8	1.8	2.0	1.8	1.7	1.8	1.8	1.8	1.5	1.7	1.5	1.1	2.0	1.0	1.5

Sumber: Pengiraan daripada 5% UPS — SES 1982.

purata pendapatan isirumah yang lebih seimbang mengikut kaum iaitu purata pendapatan bagi isirumah kaum Melayu adalah \$919 berbanding dengan kaum Cina \$1058 dan kaum India, \$952.

#### 4.8 Pencemaran Alamsekitar

Pencemaran alam merupakan akibat negatif daripada pembangunan sektor industri di Pasir Gudang. Berbagai jenis industri yang sedang beroperasi telah mengakibatkan pencemaran alam. Ini termasuk pencemaran udara, air dan sebagainya yang merupakan ancaman kepada kesihatan dan kehidupan masyarakat.

Beberapa orang responden telah mengadu bahawa kualiti udara yang terdapat di Pasir Gudang adalah kurang baik dan berbau busuk. Industri-industri utama yang menyebabkan pencemaran udara yang terdapat di Pasir Gudang termasuklah Stesyen Ibu Sawat Eletrik dan kilang-kilang kimia yang mengeluarkan asid sulphurik. Tambahan pula, kandungan debu-debu di udara adalah tinggi dalam kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan Pasir Gudang. Ini adalah akibat langsung dari kerja-kerja tanah yang sedang dijalankan dengan pesat.

Di samping itu kualiti air di Selat Johor, terutama sekali di bahagian kawasan Pasir Gudang adalah buruk sekali sehingga kelihatan berwarna kehitam-hitaman. Ini disebabkan oleh kegiatan-kegiatan pelabuhan yang dijalankan di Pelabuhan Johor. Dengan pencemaran air itu, kegiatan-kegiatan perikanan tidak dapat dijalankan lagi. Walau bagaimanapun, tahap kebisingan dari industri tidak begitu memberi kesan yang ketara di kawasan perumahan, Pasir Gudang.

Pada keseluruhannya, pembangunan Pasir Gudang telah mengakibatkan kadar pencemaran berlipat-ganda. Ini merupakan kos sosial

yang utama dari pembangunan yang dijalankan. Ia telah menimbulkan ketidaksesuaian hidup di samping menjadi ancaman kepada kesihatan penduduk di sekitarnya. Pengawalan pencemaran alam yang betul dan berkesan harus dilakukan dalam pembangunan-pembangunan akan datang.

#### 4.9 Kesan-kesan Sosial

Dengan pembangunan yang begitu pesat dijalankan di kawasan Pasir Gudang, berbagai kesan sosial telah timbul. Ini melibatkan perubahan-perubahan dalam struktur sosial. Perubahan-perubahan ini dilahirkan dalam proses penyesaian penduduk-penduduk sekitar dengan keadaan yang baru, yang timbul akibat dari proses industrialisasi dan modenisasi yang dijalankan di Pasir Gudang. Beberapa kesan-kesan langsung dari proses industrialisasi seperti pertumbuhan penduduk yang pesat, kemasukan golongan-golongan penghijrah dalam komuniti, corak-corak pekerjaan yang baru, sumber-sumber pendapatan yang baru dan sebagainya telah melahirkan keadaan-keadaan sosial yang baru.

##### 4.9.1 Keluarga dan Kekeluargaan

Secara umum, perbincangan-perbincangan mengenai kesan perindustrian terhadap struktur kekeluargaan biasa membawa generalisasi bahawa jenis keluarga luas (extended family) berubah bentuknya kepada jenis keluarga yang kecil atau keluarga nuklear. Generalisasi seperti ini dapat diterima kerana proses industrialisasi dan modenisasi mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sistem kekeluargaan luas. Kajian di Pasir Gudang telah menunjukkan bahawa jenis keluarga yang dominan adalah keluarga nuklear yang mana telah mengambil tempat keluarga luas.

Faktor utama bagi perpecahan organisasi kekeluargaan luas

kepada unit-unit keluarga yang lebih kecil ialah mobiliti yang merupakan suatu ciri penting dalam proses industrialisasi. Mobiliti geografi ini melibatkan perpisahan fizikal antara ahli-ahli dalam keluarga luas dari segi status sosial dan gaya hidup. Telah ditegaskan bahawa migrasi merupakan suatu elemen yang amat penting dalam proses industrialisasi yang mana telah mengakibatkan perpindahan ahli-ahli keluarga terutama sekali pemuda-pemudi ke kawasan bandar perindustrian. Ini telah mengakibatkan hubungan-hubungan mereka ini dengan keluarga mereka di tempat asal mereka semakin berkurangan. Ini seterusnya memahangkan ikatan-ikatan kekeluargaan yang ujud.

Moore, telah menegaskan bahawa proses industrialisasi yang berlaku di India telah membawa kesan yang bercorak negatif terhadap sistem keluarga luas dan mengurangkan perhubungan-perhubungan yang erat dan mesra di kalangan penduduk. Beliau juga mengatakan bahawa kos sosial yang utama dari proses industrialisasi adalah terhadap peraturan sosial lama seperti sistem kekeluargaan luas.<sup>30</sup>

#### 4.9.2 Hubungan Sosial

Hubungan sosial merupakan suatu asas yang paling penting dalam kehidupan manusia bermasyarakat. Pentingnya hubungan sosial ini dapat dilihat dari hakikat bahawa semua tindakan dan perlakuan manusia mempunyai makna dan pengaruh kepada orang lain. Dari interaksi sosial, ujudlah perpaduan dan organisasi sosial.

Sebagai suatu kesan sosial yang dilahirkan oleh proses

---

<sup>30</sup> Moore, Wilbert E., The Impact of Industry, Prentice Hall, Inc., Englewood Cliffs, N.J. 1965 (Ms. 85 -89).

industrialisasi, perhubungan sosial telah menjadi lemah di mana terdapat pengelompokan manusia yang ramai tanpa apa-apa hubungan sosial yang rapat. Mengikut Wirth, pergantungan terhadap orang ramai hanyalah untuk memuaskan keperluan hidup dan dengan itu mereka terikat dengan kumpulan besar iaitu organisasi sosial dan mereka kurang bergantung kepada sesorang secara khusus. Oleh itu, kebanyakannya hubungan sosial adalah impersonal, tidak mesra dan sementara.<sup>31</sup> Menurut Wirth lagi, apabila lebih besar jumlah individu melibatkan diri dalam proses interaksi maka lebih besar kemungkinan perbezaan-perbezaan antara mereka, termasuk juga pekerjaan, budaya dan idea-idea dari ahli masyarakat.

Di Pasir Gudang, proses industrialisasi telah mengubah bentuk perhubungan sosial dari yang bersifat mesra dan erat kepada yang bersifat rigid, tidak mesra dan impersonal. Bentuk perhubungan yang sebegini sama sekali berbeza dengan bentuk perhubungan yang lazim terdapat di sebuah Kampung Melayu tradisi. Hubungan sosial yang rapat hanya dapat dilihat di kalangan ahli-ahli keluarga dan kawan-kawan yang rapat sahaja. Sebab utama berlakunya hubungan sosial yang semikian ialah perasaan dan sikap individualistik iaitu penduduk-penduduk lebih suka membuat hal-hal masing-masing.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa penghijrah merupakan faktor utama pertumbuhan penduduk yang pesat di Pasir Gudang. Kebanyakannya penduduk-penduduknya terdiri daripada penghijrah-penghijrah dari berbagai kawasan, daerah dan negeri. Penghijrah-penghijrah ini

<sup>31</sup> Wirth, Louis, "Urbanism as a way of life", in John Fried and Noel J. Chrisman (ed.), City Ways, A selective reader in Urban Anthropology, Thomas Y. Carowell Company, New York, 1975 (Ms. 35).

membawa bersama mereka, berbagai jenis budaya, bahasa idea-idea dan lain-lain yang berbeza. Unsur kepelbagaiannya dalam komuniti tersebut telah menyebabkan perhubungan sosial menjadi lemah. Perhubungan yang mesra hanya berlaku di peringkat kumpulan sahaja iaitu penghijrah-penghijrah hanya bergaul dengan mereka-mereka yang datang dari, tempat, daerah atau pun negeri dan latar belakang sosial yang sama.

Di samping itu, penghijrahan juga menyebabkan keadaan penduduk-penduduk berada dalam 'state of flux', iaitu keluar masuk penduduk-penduduk kerap berlaku. Ini adalah kerana kebanyakan penghijrah itu tidak mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menetap. Keadaan yang sedemikian ini juga telah menyebabkan ujudnya hubungan sosial yang bersifat rigid, tidak mesra dan impersonal.

Selain dari itu, sistem pekerjaan di kilang juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap hubungan sosial terutama sekali di kalangan pekerja-pekerja kilang. Perlu dinyatakan juga ialah bahawa lebih 90% penduduk-penduduk Pasir Gudang merupakan mereka-mereka yang terlibat dalam sektor industri, oleh yang demikian, penduduk-penduduk Pasir Gudang secara keseluruhan dipengaruhi kuat oleh sistem pekerjaan di kilang.

Pekerjaan kilang banyak mengambil masa dari seseorang. Seseorang pekerja menghabiskan masa untuk bekerja sekurang-kurangnya 8 jam dan oleh kerana pihak kilang banyak menyediakan program-program galakan untuk menggalakkan pekerja-pekerjanya untuk bekerja lebih rajin, maka ramai pekerja didorong untuk mengambil overtime sebagai usaha untuk menambahkan pendapatan mereka. Rata-rata seseorang pekerja itu menghabiskan 10-12 jam di kilang. Oleh kerana masa yang banyak ditumpukan di kilang, seseorang itu tidak mempunyai masa yang banyak untuk bergaul

mesra dengan penduduk setempat atau teman-teman. Dengan itu hubungan sosial mereka itu dihadkan.

Hubungan sosial yang mesra hanya ditumpukan kepada orang-orang yang rapat dengan mereka sahaja. Misalnya, bagi mereka yang berkeluarga, masa yang banyak dihabiskan dengan keluarganya, isteri dan anak-anak. Bagi yang bujang, mereka hanya bermesra dengan kawan-kawan yang rapat sahaja.

Di samping itu, sistem pekerjaan di kilang adalah berdasarkan kepada disiplin dan peraturan yang mana pekerja-pekerja itu menjadi subjek struktur kewibawaan di kilang. Setiap pekerja terpaksa menyesuaikan diri kepada sistem pekerjaannya di kilang yang mana mempunyai ciri-ciri yang 'specific' iaitu tugas-tugas yang khusus diberikan kepada setiap pekerja. Disiplin dan peraturan yang dikenakan kepada seseorang pekerja mengakibatkan pekerja tersebut terdedah kepada perhubungan yang bersifat 'specific' dan 'formal'. Perhubungan yang begini akan terbawa-bawa sampai kepada kehidupan sosial mereka. Lebih-lebih lagi, dengan masa yang kurang untuk bergaul dengan orang setempat, pengaruh perhubungan yang 'specific' dan 'formal' diamalkan dalam kehidupan seharian. Akibatnya, terbentuklah sikap dan perasaan individualistik yang tinggi.

Tambahan pula, dengan adanya giliran waktu bekerja yang berlainan, pekerja-pekerja terpaksa menyesuaikan diri dengan waktu bekerja mereka. Sistem giliran waktu bekerja ini akan memburukkan lagi hubungan sosial dan seterusnya perpaduan sosial. Moore ada mengatakan bahawa kesan dari perhubungan pekerja dengan mesin, sesama pekerja dan majikan boleh mendatangkan kesan yang tidak baik kepada perhubungan

sosial di tempat tinggalnya.<sup>32</sup>

#### 4.9.3 Masalah Diskriminasi

Masalah diskriminasi yang berdasarkan kepada layanan-layanan yang berbeza-beza terhadap individu atau kumpulan atas dasar-dasar tertentu seperti ras, kebudayaan, jantina, agama atau kelas sosial, juga didapati ujud di kalangan penduduk-penduduk sekitar Pasir Gudang. Faktor utama yang membawa kepada masalah diskriminasi ialah unsur kepelbagaian yang ujud dalam komuniti tersebut. Dalam konteks ini, perbezaan-perbezaan seperti ras, dialek, tempat asal, kebudayaan, ugama, kelas sosial dan lain-lain didapati menyebabkan ujudnya masalah diskriminasi.

Masalah diskriminasi kaum merupakan masalah yang rumit yang dihadapi oleh kebanyakan masyarakat majmuk. Masalah diskriminasi yang ujud juga melemahkan hubungan sosial dan perpaduan sosial dalam komuniti tersebut. Masalah diskriminasi kaum berkait-rapat dengan adanya amalan 'prioriti kaum' terhadap peluang-peluang hidup. En. Rahman, Pegawai Kilang Mech Mar juga mengakui ujudnya masalah tersebut dalam kilang. Menurutnya, aspek-aspek pekerjaan di kilang seperti pengambilan pekerja-pekerja kilang, penentuan gaji, kenaikan pangkat dan sebagainya amat bergantung kepada 'man in charge' dalam syarikat. Kalau 'man in charge' adalah seorang Cina, maka prioriti akan diberikan kepada orang-orang sekumunya. Begitu juga halnya, kalau 'man in charge' itu seorang Melayu atau India.

<sup>32</sup> Moore, Wilbert E., op.cit., (Hal. 49-62).

Namun begitu, beliau juga mengakui bahawa pekerja-pekerja kaum Cina mempunyai kemahiran dan pengalaman yang lebih tinggi dari pekerja-pekerja India dan Melayu. Menurutnya, nisbah di antara pekerja-pekerja mahir dari kaum Cina dan pekerja-pekerja mahir dari kaum India/Melayu di kilang Mech Mar ialah 10:3.

#### 4.9.4 Perpaduan Sosial

Penumpuan penduduk-penduduk ke Kawasan Perindustrian Pasir Gudang secara tidak langsung telah melemahkan perhubungan sosial di mana terdapat pengelompokkan manusia yang ramai tanpa hubungan-hubungan sosial yang rapat. Hubungan sosial yang rapat hanya dapat dilihat di kalangan ahli-ahli keluarga dan kawan-kawan yang rapat sahaja. Perasaan esprit de corps dan persaudaraan sekampung semakin lemah. Perhubungan yang lemah ini akan secara langsung menyebabkan perpaduan yang lemah.

Kemasukan golongan penghijrah ke dalam komuniti membawa unsur kepelbagaiannya ke dalam komuniti tersebut. Peluang-peluang pekerjaan yang begitu banyak disediakan di sektor perkilangan telah menarik penduduk-penduduk dari berbagai daerah dan negeri dengan latar belakang sosial yang begitu berlainan sekali. Ini menyebabkan pengekalan perpaduan sosial serta proses penyesuaian di dalam masyarakat tersebut sukar terutama sekali dengan proses pembangunan dan transformasi yang begitu cepat sekali berlaku. Tegasnya di sini, hubungan-hubungan sosial yang rapat yang menjalaninya perasaan esprit de corps dan persaudaraan sekampung semakin lemah akibat proses industrialisasi yang melahirkan hubungan-hubungan sosial yang bercorak secondary dan impersonal serta sikap individualistik yang tinggi di kalangan penduduk-penduduk sekitarnya.

Proses industrialisasi juga memperkenalkan organisasi-organisasi sosial yang baru sebagai langkah untuk mengatasi masalah perpaduan sosial. Berbagai jenis pertubuhan-pertubuhan sosial dan ekonomi telah timbul seperti pertubuhan-pertubuhan sukan, persatuan-persatuan belia, Kesatuan Sekerja dan sebagainya, yang telah melahirkan corak-corak hubungan sosial yang baru. Walaupun pertubuhan-pertubuhan serta organisasi sosial yang baru ini tidak melahirkan hubungan-hubungan sosial yang bercorak primary yang lebih rapat namun ia merupakan usaha yang penting ke arah perpaduan sosial masyarakat tersebut.

## 5.0 Pengenalan

Dalam bab-bab yang lalu, penulis telah memberi gambaran latar belakang serta meninjau kesan-kesan sosio-ekonomi yang telah dilahirkan dari proses industrialisasi yang dijalankan di Pasir Gudang. Dari sini, penulis akan cuba memberikan sedikit penilaian berdasarkan kepada kajian-bab-bab yang lalu itu.

Selaras dengan aspirasi dan kehendak DEB, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor adalah digerakkan ke arah pencapaian tiga matlamat penting sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab tiga. Adalah menjadi objektif kertas kerja dan bab ini untuk menilai sejauhmanakah pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian seperti yang dijalankan di Pasir Gudang itu telah bergerak ke arah pencapaian matlamat-matlamat tersebut.

Di samping itu, ia adalah juga bertujuan untuk melihat serta meninjau sumbangan-sumbangan Perbadanan, sebagai agensi amanah Kerajaan Negeri. Selaras dengan objektif di atas, penulis akan cuba menilai kepentingan dan kejayaan projek-projek pembukaan dan pembangunan kawasan perindustrian, serta meninjau sejauhmanakah pembangunan perindustrian sebagai suatu strategi ke arah pencapaian matlamat DEB dan pembangunan sosio-ekonomi di kalangan rakyat di Johor Bahru.

## 5.1 Sumbangan PKENJ Dalam Pembangunan Perindustrian Di Negeri Johor

Sebenarnya, adalah sukar untuk meninjau serta menilai sumbangan-sumbangan PKENJ kerana ia hanya merangkumi sebahagian daripada dasar perindustrian Kerajaan dan dengan itu menjadikan amat

sukar untuk mengasingkan sumbangan-sumbangan dan pencapaian daripada kedua-dua pihak, perbadanan dan Kerajaan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan perbadanan ini dalam melaksanakan projek-projek kemajuan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Johor adalah penting dan besar sekali.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama (1966-70), Kerajaan Negeri Johor telah menyambut seruan Kerajaan Persekutuan dengan membuka 2 buah kawasan perindustrian di tanah Kerajaan iaitu di Tampoi dan di Larkin tetapi projek-projek perindustrian tersebut telah dilakukan dengan tergesa-gesa dan dilaksanakan dengan tidak menimbangkan pengalaman di Petaling Jaya dan kawasan-kawasan lain yang terdahulu.<sup>33</sup> Kedua-dua kawasan perindustrian ini tidak menggambarkan kejayaan yang cemerlang kerana kadar pertumbuhan industri-industri di dalamnya amat lambat sekali berbanding dengan kawasan-kawasan perindustrian yang lain.

Dengan pengalaman ini di Tampoi dan Larkin, Kerajaan Negeri Johor merasakan perlunya sebuah agensi pembangunan Kerajaan negeri untuk memikul tanggungjawab pembangunan industri di Negeri Johor. Demikian, sejak Perbadanan ini beroperasi pada Ogos 1970, ia telah mengambil-alih tanggungjawab pembangunan perindustrian di Negeri Johor.

Sebagaimana yang disebut ~~swal~~ dari ini, sehingga akhir Disember 1983, Perbadanan ini telah/sedang memajukan 9 buah kawasan perindustrian yang terdiri daripada kawasan perindustrian Pasir Gudang, Tanjung Agas, Tongkang Pecah, Senai, Segamat, Parit Raja, Sri Gading, Kota Tinggi dan Kluang. Jumlah luas kawasan yang telah dimajukan pada akhir Disember 1983 ialah 1,057.46 hektar, yang mana

<sup>33</sup> Hussin b. Haron, 'Peranan dan Perancangan kawasan-kawasan Perindustrian dalam proses industrialisasi di Negeri Johor', Fakulti Ekonomi, UM 1976. (Ms. 95).

661.99 hektar daripadanya telah pun dijual. Pada tarikh yang sama, terdapat 155 unit kilang yang sedang beroperasi, 163 unit sedang dibina tiada beberapa lama lagi di kawasan-kawasan perindustrian tersebut. Kilang-kilang yang beroperasi/sedang dibina dan akan dibina itu dijangka akan mempunyai modal berbayar sebanyak \$496.90 juta.

Antara sumbangan-sumbangan penting Perbadanan ini kepada pembangunan sektor perindustrian di Negeri Johor ialah dalam mengenal-pasti potensi-potensi industri serta peluang-peluang pelaburan dan perniagaan yang ujud dan seterusnya mengambil peluang-peluang tersebut ke arah tujuan industri. Ini dapat dilihat daripada kejayaan yang dicapai, terutama sekali di Pasir Gudang, Tongkang Pecah dan Tanjung Agas. Potensi-potensi industri di Pasir Gudang amat cerah sekali memandangkan kawasan perindustrian Pasir Gudang terletak bersebelahan dengan Pelabuhan Johor di mana ujudnya peluang-peluang perniagaan dan perdagangan yang penting. Di samping itu juga, ia menerima pengaruh langsung daripada dasar perindustrian Singapura yang sedang mengalami peringkat Revolusi Industri Kedua, untuk merubah lokasi industri-industri yang berbentuk penggunaan tenaga buruh intensif seperti industri pembinaan, perkapalan, elektronik dan sebagainya keluar dari Singapura kerana ia tidak lagi dapat menampung industri-industri tersebut. Pasir Gudang dan Daerah Johor Bahru yang terletak berhampiran dengan Singapura mempunyai potensi untuk menempatkan industri-industri berkenaan. Juga dijangkakan bahawa warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura akan pulang ke Johor dalam jangka masa tidak lama lagi.

Tanggungjawab Perbadanan ini dalam membangun kan perindustrian di Negeri Johor memerlukannya bertindak sebagai badan perancangan di

satu pihak dan badan pembangunan di pihak yang lain. Sumbangan perbadanan ini dalam perancangan dapat dilihat dari penglibatannya dalam perancangan perindustrian di peringkat mikro. Ini melibatkan kajian-kajian yang teliti di peringkat mikro. Perlu dinyatakan di sini bahawa perancangan perindustrian yang dilakukan merupakan fungsi Kementerian dan Perbadanan hanya memainkan peranan penasihat dan agensi perlaksanaan kementerian sahaja. Sebagaimana yang biasa dialami di beberapa kawasan perindustrian projek-projek dilancarkan dengan cita-cita yang tinggi berdasarkan kepada kajian-kajian serta pemahaman yang kurang mendalam mengenai proses pembangunan perindustrian yang dilakukan. Ini membawa kepada jangkaan-jangkaan yang 'over-optimistic' terhadap permintaan dan salah pengiraan dari segi perancangan, yang boleh membawa kepada pembaziran sumber-sumber pengeluaran. Namun begitu, masalah-masalah perancangan seperti ini sukar dielakkan kerana kelemahan pihak perancangan untuk membuat kajian yang sempurna serta ramalan-ramalan mengenai keadaan sosial, ekonomi dan politik masa hadapan.

Di samping itu, perbadanan ini memberikan sumbangan yang amat penting dalam memperluaskan serta memperbesarkan sumber-sumber pengeluaran dan keupayaan pengeluaran. Ini dapat dilihat dari peranannya dalam membuka dan membangunkan kawasan perindustrian sebagaimana yang dilakukan di Pasir Gudang yang telah dapat meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi, iaitu melalui pertambahan dalam peluang-peluang pekerjaan dan juga pertambahan pada nilai pengeluaran negara di bidang industri. Di samping mengeluarkan barang-barangan yang boleh menggantikan barang-barang impot, sektor perindustrian juga boleh menyumbangkan kepada ekspot negara. Ini dapat memperbaiki kedudukan kewangan sertaimbangan pembayaran negara. Pengalihan

sumber-sumber pengeluaran ini ke arah tujuan-tujuan perindustrian bukan sahaja menambahkan hakmilik negara tetapi juga merupakan strategi yang amat penting untuk mencapai hasrat DEB.

Proses perindustrian yang dijalankan juga menyumbangkan ke arah memberikan 'technical know-how' kepada penduduk-penduduk setempat serta meninggikan lagi kemahiran mereka di sektor perkilangan. Di Pasir Gudang, kebanyakannya daripada pekerja-pekerja di sektor perkilangan adalah dari golongan yang muda. Jadi di sini, pembangunan perindustrian di situ telah menyumbangkan ke arah melengkapi belia-belia ini dengan kemahiran-kemahiran tertentu. Ini menjadi asas yang amat penting bagi perkembangan perindustrian selanjutnya di Pasir Gudang. Penting juga diadakan lebih banyak institusi vocational dan latihan perindustrian terutama sekali berhampiran dengan kawasan-kawasan perindustrian. Ini akan melahirkan golongan buruh dan pekerja-pekerja yang mahir.

Pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian, dengan sendirinya juga akan melahirkan peluang-peluang perniagaan yang lebih banyak. Ini dapat dilihat dari usaha Perbadanan untuk menubuhkan pusat pertumbuhan yang baru seperti mana yang dilakukan di Pasir Gudang. Ini dapat bertindak sebagai tenaga serta semangat baru yang menggerakkan pembangunan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Penubuhan pusat pertumbuhan yang baru ini dapat menyumbangkan pembangunan-pembangunan di sektor-sektor lain seperti perumahan, perkhidmatan awam, perkedaiian, perniagaan dan sebagainya.

Di samping itu juga, proses perindustrian juga dapat melahirkan lebih ramai golongan-golongan pengusaha tempatan dan menyumbangkan ke arah peningkatan mutu pengurusan tempatan. Dalam

konteks ini perusahaan-perusahaan bercorak 'joint-venture' antara pengusaha-pengusaha tempatan dengan pengusaha-pengusaha asing amat penting kerana pengetahuan dan pengalaman dari pengusaha-pengusaha asing akan meningkatkan kemahiran golongan pengusaha tempatan.

#### 5.1.1 Peranan PKENJ sebagai 'Catalyst'

Pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur asas merupakan teras kepada perkembangan sektor perkilangan. Perbadanan dalam menjalani aktiviti ini, berperanan sebagai 'catalyst' yang memerlukannya bertindak sebagai 'gap-filler' di sektor industri. Ini adalah kerana terdapat jurang-jurang tertentu dalam proses industrialisasi yang tidak dijalani oleh syarikat-syarikat swasta kerana tidak ingin menanggung risiko dalam projek-projek jangka panjang yang kurang mendatangkan keuntungan.<sup>34</sup>

Jurang-jurang ini adalah projek-projek yang dijalani oleh Perbadanan dalam meratakan bukit-bukit, menambah cerun dan lembah-lembah dan membersihkan tanah bagi menyediakan tapak-tapak industri serta melengkapi kawasan-kawasan perindustrian dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur asas seperti perhubungan, komunikasi, listrik dan sebagainya yang memerlukan penglibatan agensi pembangunan Kerajaan.

Dalam konteks ini, penilaian mengenai sumbangan dan pencapaian Perbadanan ini tidak seharusnya semata-mata meninjau projek-projek pembukaan dan pembangunan perindustrian sahaja tetapi juga bilangan dan saiz pelaburan-pelaburan industri serta faedah-faedah sosio-ekonomi yang dilahirkan daripada projek tersebut. Sebagai 'catalyst', Perbadanan memainkan peranan penting dalam menggalakkan serta melahirkan pelaburan sama ada dari pelabur asing atau pun

<sup>34</sup> Carey, Jones, Politics, Public Enterprise and The Industrial Development Agency, Croom Helm, 1974, London, (Ms. 192-197).

tempatan. Usaha-usaha Perbadanan ini memberikan galakan kepada pelabur-pelabur tersebut untuk melabur dengan lebih intensif di kawasan-kawasan perindustrian tersebut. Mereka hanya dikenakan membayar premium tanah yang termasuknya kos pembangunan tanah. Ini menyumbangkan ke arah peningkatan pelaburan-pelaburan swasta, di samping memperluaskan struktur industri.

Dengan menjalankan projek-projek yang sedemikian, Perbadanan juga secara tidak langsung memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan sektor-sektor lain seperti perumahan, perdagangan, pengangkutan, perkedaian dan sebagainya. Ini dapat dilihat dari usaha-usaha Perbadanan di kawasan perindustrian Pasir Gudang dalam meratakan bukit-bukau, menambak cerun dan lembah-lembah bagi menyediakan tapak-tapak industri yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Di sini, perbadanan ini bertindak sebagai semangat dan tenaga pusat pertumbuhan yang baru yang menggerakkan pembangunan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar.

Perbadanan juga telah dapat menyumbangkan terhadap perkembangan sektor perkilangan yang kemas dan teratur di kawasan perindustrian Pasir Gudang. Ia telah menunjukkan kadar pertumbuhan yang sangat menggalakkan.

#### Ke Arah Pencapaian Matlamat Dasar Ekonomi Baru

Tahun 1984 merupakan tahun ke 14 perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan enam tahun tinggal lagi sebelum tamat tempoh perlaksanaannya pada 1990. Sungguh pun dengan pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan kewangan Kerajaan yang begitu ketat, terutama sekali tiga tahun ke belakangan ini, proses perancangan dan perlaksanaan DEB masih dapat diteruskan. Matlamat-matlamat DEB iaitu dalam mem-

basmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan mengenai penyusunan semula masyarakat supaya tidak ujud keadaan tidak seimbang di antara kaum di Malaysia, adalah berkait-rapat di antara satu dengan lain. Program-program untuk menyusun semula guratenaga, peningkatan hak milik Bumiputera serta pembentukan masyarakat perdagangan Bumiputera adalah selaras dengan matlamat untuk mengurangkan perbezaan pendapatan antara kaum.

Dalam perbincangan yang lepas, ditegaskan bahawa program-program pembukaan dan pembangunan perindustrian Perbadanan yang diselaraskan mengikut garis-garis DEB telah dapat meningkatkan lagi pengeluaran dan pendapatan peserta-peserta. Ia juga telah membuka peluang-peluang yang lebih banyak dalam bidang-bidang selain daripada perindustrian iaitu perdagangan, perkedaian, pengangkutan, pembinaan dan sebagainya. Dalam konteks ini, pembukaan dan pembangunan perindustrian di Pasir Gudang merupakan tenaga penggerak yang utama bagi pembangunan di sektor-sektor lain dan juga pembangunan luar bandar, umumnya. Di samping itu, ia juga dapat membaiki lagi keadaan sosio-ekonomi di kalangan rakyat terutama sekali melalui peluang-peluang pekerjaan yang diujudkan dan peningkatan pendapatan. Pada masa yang sama juga, ia dapat mengurangkan kadar-kadar pengangguran dan kemiskinan.

Dari pembukaan dan pembangunan kawasan perindustrian Pasir Budang, kadar pertumbuhan penduduknya telah meningkat dari 2,800 orang pada tahun 1970 hingga 8,000 pada tahun 1980 dengan kadar purata pertumbuhan 11.1% setahun. Kadar pertumbuhan yang begitu tinggi adalah berkait rapat dengan penghijrahan penduduk ke sekitar kawasan Pasir Gudang. Penghijrahan ini dijangka akan berterusan di masa akan datang memandangkan pembangunan pesat yang berlaku di situ. Peng-

hijrahnya kaum Bumiputera ke kawasan Perindustrian Pasir Gudang menandakan bahawa kegiatan-kegiatan Bumiputera di sektor-sektor lain selain daripada sektor pertanian, telah bertambah. Ini membantu menyusun semula masyarakat dalam bidang pekerjaan. Penglibatan Bumiputera sebagai pekerja-pekerja di sektor industri semakin meningkat berbanding dengan keadaannya pada tahun 1970. Namun begitu, penyertaan Bumiputera di sektor ini sebagai penusaha-pengusaha masih lagi di tahap yang rendah.

Langkah Kerajaan untuk membuka dan membangunkan Kawasan Perindustrian Pasir Gudang telah berjaya dari segi memajukan kawasan-kawasan yang mundur. Perancangan dan perlaksanaan pembangunan kawasan-kawasan di sekitar koridor antara Pasir Gudang dan Johor Bahru juga sedang dilakukan. Ini bermakna kawasan-kawasan di antara Johor Bahru dan Pasir Gudang akan dibangunkan dengan projek-projek perumahan dan lain-lain kemudahan asasi seperti jalanraya, bekalan elektrik, air dan sebagainya. Ini akan membawa kepada pembangunan yang lebih seimbang di antara kelompok manusia dan wilayah. Pembangunan di kawasan-kawasan mundur itu akan meningkatkan lagi keadaan sosio-ekonomi penduduk-penduduknya.

Jadi, matlamat Kerajaan di dalam RME dan DEB dapat dicapai dengan memperbanyakkan lagi pembukaan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian terutama sekali di kawasan luar bandar yang bukan sahaja akan memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan tetapi juga akan membantu kemajuan di kawasan luar bandar.

Perancangan dari sudut kemasyarakatan merupakan sebahagian daripada perancangan yang menyeluruh yang bertujuan untuk meningkatkan perpaduan sosial dan mengurangkan masalah-masalah sosial, selaras

dengan objektif-objektif DEB. Jawatankuasa penyelaras dan pembangunan kawasan perindustrian yang ditubuhkan oleh PKENJ adalah juga untuk mempastikan supaya kos-kos sosial dapat dikurangkan.

Pencemaran alam merupakan akibat langsung daripada pembangunan di sektor industri di Pasir Gudang. Berbagai jenis industri yang sedang beroperasi telah mengakibatkan pencemaran alam. Ini termasuk pencemaran udara, air, dan sebagainya yang merupakan ancaman kepada kesihatan dan kehidupan sosial. Ini memerlukan kawalan-kawalan yang lebih teliti terhadap pencemaran alam oleh pihak pentadbiran. Walau-pun pembangunan di Pasir Gudang adalah berdasarkan kepada pembangunan kawasan atau zon-zon perumahan penempatan, perdagangan dan perindustrian yang mana dipisahkan sebagai kawasan-kawasan berasingan namun perkara yang lebih penting di sini ialah penyediaan zon tertentu untuk menyekat pencemaran alam secara berkesan. Ini adalah penting untuk mengurangkan pencemaran alam terutama sekali pencemaran udara di kawasan-kawasan perumahan.

Di samping itu, adalah penting juga disediakan projek-projek perumahan yang cukup terutama sekali projek-projek perumahan berkos rendah dan sederhana. Ini adalah penting untuk mengurangkan penumpuan penduduk-penduduk terutama sekali yang berpendapatan rendah ke kawasan-kawasan setinggan dari 'slums' yang merupakan suatu ciri universal kehidupan bandar. Sebab utama ujudnya persetinggan dan 'slums' ini adalah kerana kekurangan pilihan rumah di kalangan penghuni-penghuninya. Mereka ini juga menganggap keadaan kehidupan mereka itu adalah semetara di mana mereka berharap untuk memperbaiki keadaan itu mengikut masa. Secara umum, kawasan-kawasan setinggan mempunyai keadaan fizikal yang tidak memuaskan, sesak dan tidak sesuai untuk kesihatan serta

kekurangan kemudahan-kemudahan asas. Oleh kerana ini adalah penting untuk mengawal serta mengatasi masalah-masalah perumahan yang semakin. Jadi di sini, usaha Perbadanan untuk mengatasi masalah perumahan yang dihadapi oleh rakyat berpendapatan rendah melalui projek-projek perumahan berkos rendah dan sederhana adalah amat penting ke arah pencapaian matlamat DEB.

Kesimpulannya di sini, kepentingan Bumiputera diambil berat oleh pihak Perbadanan supaya golongan tersebut dapat dibangunkan dan dimajukan ke hadapan dalam usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat DEB. Sungguhpun bantuan kerajaan akan dikurangkan, agensi-agensi seperti PKENJ dikehendaki mengambil inisiatif sendiri dan mengurangkan pergantungan kepada Kerajaan supaya usaha-usaha untuk mencapai matlamat DEB dapat diteruskan.

Bibliografi

1. Bullock, A and Stallybrass, O., Fontana Dictionary of Modern Thought, Richard Clay Ltd., 1977.
2. Carey, Jones, 'Politics, Public Enterprise and The Industrial Development Agency', Croom Helm, London, 1974.
3. Eames, E and Goode, J.D., Anthropology of the City; An Introduction to Urban Anthropology, Prentice Hall Inc., New Jersey, 1977.
4. Hammond, P.E., Sociologist at work, Basic Books, 1964.
5. Hanson, A.H., Public Enterprise and Economic Development, London, 1959.
6. Hoselitz, B.F. and Moore, W.E., 'Industrialization and Social Change', Industrialization and Society, Paris and the Hague, 1963.
7. Hughes, J.R.T. and Moore, W.E., 'Industrialization', International Encyclopedia of the Social Sciences, David L. Sills (ed.) Volume 7, 1968.
8. Husin Ali, S. Apa erti pembangunan?, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
9. Johnson, J.M., Doing Field Research, Free Press, 1975.
10. Kuznets, S., Modern Economic Growth, Yale University Press, New Haven, 1966.
11. Moore, W.E., The Impact of Industry, Prentice Hall Inc., 1965.
12. Moore, W.E., Industrialization and labour; social aspects of economic development, Cornell University Press, 1951.
13. Mountjoy, A.B., Industrialization and under-developed countries, Hutchinson & Co., (Publishers) Ltd., London, 1966.
14. Pelto, P.J., Anthropological Research, The Structure of Inquiry (2nd Ed.) Cambridge University Press, London, 1978.
15. Watson, T.J., Sociology, work and Industry, Routledge & Kegan Paul, London, 1980.

Latihan Ilmiah

1. Hussin b. Haron, 'Peranan dan Perancangan Kawasan-kawasan Perindustrian dalam Proses Industrialisasi di Negeri Johor', Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya, 1976.
2. Khalid Zakaria, 'Kesan Perindustrian Kepada Kampung Berdekatan',

(satu kajian kes di Kampung Tasek), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1980/81.

3. Lee Foo Yin, 'A Case Study on Socio-Economic Aspects of Factory workers', Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya 1983/84.
4. Zais Md. Akil, 'Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan Penglibatannya di dalam Aspek Sosio-Ekonomi Orang-orang Melayu di Johor Bahru', UKM, 1977.
5. Zulkefley Yahaya, 'Perindustrian dan Urbanisasi; Beberapa Kesan Terhadap Penduduk Sekitar', Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1980/81.

#### Terbitan-Terbitan Lain

1. Jaafar Abd. Rahim, 'Pembangunan Johor Jadi Contoh', Dewan Masyarakat, Jil. 16, Bil. 17, (Julai, 1978).
2. 'Pasir Gudang; our Third Port', Malaysian Business, Mei 1977.
3. 'Pasir Gudang is set for its First 17 Factories', Malaysian Business, July 1973.
4. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, Laporan Tahunan (1973-1980), PKENJ.
5. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, Laporan Tahunan 1982, Keluaran PKENJ, 1982.
6. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, 'Ke arah Pencapaian Matlamat Dasar Ekonomi Baru', Keluaran PKENJ, 1984.
7. 'Seminar on the Mid-Term Review of the 4th Malaysia Plan', (May 1984: PJ).
8. Seminar Ekonomi UMNO Bahagian Johor Bahru, 'Perancangan Pembangunan Pasir Gudang dan Peluang-Peluang Perniagaan yang timbul dari pembangunan tersebut', Keluaran PKENJ, Disember 1982.
9. Unit Pelan Struktur, 'Laporan Pemeriksaan MPJB, Mukim Plentong dan Pasir Gudang', UPS, MPJB, 1982.
10. The Catalyst, Malaysian Business (May 1977).